

**Title** : Budaya SMS  
**Author(s)** : Beh Li Hong, Tan Poh Suan & Yeo Aii Yong  
**Institution** : School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia  
**Category** : Article  
**Topic** : Culture, Technology  
**Publisher** :

Nama: Beh Li Hong (63268/01)

Tan Poh Suan (63552/01)

Yeo Aii Yong (63582/01)

Nama Kursus: **SKW 320 Falsafah Penyelidikan Sains Sosial**

Nama Tugas 2: **Pemetaan Dan Perbandingan Ontologi 2003 ~ Budaya SMS**

---

## **1.0 PENGENALAN**

Menggunakan SMS (sistem pesanan ringkas) telah menjadi trend kepada pengguna telefon bimbit masa kini dan boleh dianggap sebagai aplikasi *killer* yang menguntungkan pengusaha syarikat telekomunikasi. Dengan menggunakan SMS, pengguna telefon bimbit dapat menghantar pesanan sepanjang 160 perkataan. Di samping itu, pengguna juga dapat menghantar atau menerima SMS ke (dari) luar negara.

Popularitinya sangat hebat sehingga dijadikan sebagai alat untuk pelbagai maksud termasuk digunakan sebagai medium melafazkan cerai yang heboh diperkatakan media pada masa kini.

Keistimewaan SMS yang sebelum ini hanya boleh digunakan bersama telefon bimbit tersebut menjadikan industri telekomunikasi wayarles di rantau ini berkembang dengan pesat sekali.

Sebagai contoh, pengguna Maxis hanya perlu membelanjakan 10 sen untuk setiap satu SMS. Kadar ini amat murah dan disambut baik oleh ramai pengguna. Para pengguna lebih membelanjakan jumlah wang telefon dengan penghantaran SMS. Sebaliknya, para pengguna jarang membuat panggilan suara kepada rakan-rakan. Kebaikan menggunakan SMS adalah dapat menjimatkan jumlah wang yang banyak.

Pengantaran SMS juga adalah amat senang, jimat dan cepat. Kebiasaannya, pada hari perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan sebagainya, pengguna mengucapkan kata-kata selamat melalui SMS.

SMS alias *short message service* dan e-mail rupanya masih menjadi magnet yang dahsyat. Meskipun mampu mengalahkan kecanggihan layanan *mobile internet*, SMS tetap menjadi primadona. Bayangkan, saat berbagai aplikasi *mobile data* dan *mobile Internet* berkembang pesat dengan berbagai daya tariknya, pengguna ponsel masih lebih suka memanfaatkan kedua layanan ini.

**Sumber: Utusan Malaysia**

## **2.0 BUDAYA SMS DALAM ARENA POLITIK**

YB Menteri Besar Perlis, kini mengamalkan satu etika baru iaitu "berbaik sangka" dengan semua orang. Kerana menurutnya jika kita mempunyai buruk sangka sebelum kita mengetahui sesuatu itu, atau berjumpa seseorang, ia akan menjadikan kita tersalahfaham, sombong, dan tidak arif dalam menyelesaikan masalah, dan lain-lain.

Negeri Perlis juga bebas budaya cantas (bbc), adalah satu deklarasasi bagi menunjukkan perlis adalah bersih dari gejala ini. Banyak ahli politik yang ingin naik ke atas mencantas mereka yang tertentu.

Budaya SMS iaitu menghantar SMS kepada pemimpin politik dengan bahasa yang menghasut, dan membenci juga haruslah tidak diamalkan. Begitu juga "hari puji", dimana pendekatan yang diambil bagi mereka yang melakukan kesilapan ialah dengan memberi tunjukajar bukan memarahi, malah memuji kerana sikap ingin mencuba. Beliau banyak mengutarakan hadis-hadis bagi menyokong fakta-faktanya.

Walaupun ada Kisah Benar Shahidan Kassim daripada Pegawai Kerajaan yang telah berkhidmat di bawah kepimpinan 4 menteri besar iaitu bermula dari YAB Dato Jaafar Hassan, YAB Dato Ali Ahmad, Tan Sri Abdul Hamid Pawan Teh dan sekarang Dato Seri Shahidan Kassim, beliau telah melalui dan merasai pengalaman tentang corak dan gaya kepimpinan kesemua menteri besar tersebut dan beliau merasakan era Dato Seri Shahidan Kassim adalah yang paling buruk dan paling malang bagi keseluruhan rakyat Marhaen negeri Perlis.

Dato Seri Shahidan bukan sahaja seorang pemimpin yang kaki betina tetapi juga seorang pemimpin yang cukup pakar menipu dan berbohong kepada rakyat Marhaen serta menipu kepimpinan UMNO, khususnya kepimpinan tertinggi. Beliau juga terlalu kuat

mengamalkan rasuah hinggalah pihak polis dan BPRpun berjaya dirasuah oleh beliau, khususnya di negeri Perlis.

Kesemua projek kelas A hingga kelas F di negeri Perlis diberikan kepada saudara mara serta kroni-kroninya sahaja. Beliau akan meminta imbuhan berbentuk komisyen yang tinggi sehingga 30%. Walaupun banyak laporan telah dibuat kepada pihak pihak tertentu, namun tiada tindakakn yang telah diambil kerana kesemua mereka telah dirasuah oleh Dato Seri Shahidan.

Projek-projek besar di negeri Perlis seperti Politeknik di Arau, Projek pembinaan jalanraya di bawah JKR, projek tambak laut, Institiut Latihan Perindustrian, Institiut Belia Negara di negeri Perlis adalah dibawah kawalan beliau. Sesiapa yang berminat terhadap kesemua projek terpaksa melalui tol dan jumlah tol ditentukan oleh beliau sendiri. Beliau juga telah menyusun syarikat tertentu yang mana beliau mempunyai kepentingan untuk mendapat mendapatkan projek Kolej Universiti Teknik di Perlis. Beliau akan mengenakan kadar komisyen yang tertinggi ke atas syarikat syarikat swasta serta pelabur luar negara yang berminat untuk melabur di negeri Perlis. Disebabkan itulah kebanyakan pelabur takut untuk melabur di negeri Perlis hinggalah tidak satu kilang pun didirikan di negeri Perlis sepanjang Perlis berada dibawah kepimpinan beliau.

Sebagai seorang pegawai kerajaan, beliau telah biasa ditemui oleh ahli perniagaan yang gagal mendapat projek walaupun ribuan malahan jutaan ringgit diberikan kepada Dato Seri Shahidan dan kroni-kroninya. Antara projek yang boleh beliau sebutkan ialah projek Bakau Jaya (ada misteri disebalik Bakau Jaya) dan projek Tambak Laut di Kuala Perlis.

KISAH BENAR 1:

Sebuah syarikat yang bernama Syarikat Roslan Hashim telah terpaksa membayar sejumlah komisyen sebanyak RM85,000.00 kepada anak saudara Dato Seri Shahidan iaitu Sabri Osman untuk projek kelas F. Ketika Roslan Hashim dan Dan Kelana (Orang kuat UMNO) sedang membawa wang tersebut untuk diberikan kepada Sabri Osman, mereka berdua telah dirompak. Apabila laporan polis dibuat, mereka berdua iaitu Roslan Hashim dan Dan Kelana pula ditangkap polis dan dimasukkan ke dalam lokap. Persoalannya mengapa mereka pula yang ditangkap dan polis serta BPR tidak pula menyoal siasat Sabri Osman walaupun laporan telah dibuat.

#### KISAH BENAR 2:

Dato Seri Shahidan juga telah menggunakan kuasanya sebagai Menteri Besar untuk memberikan projek mengecat Stadium Utama Kangar bernilai RM 1 juta yang mempunyai kepentingan kepada anak saudaranya Sabri Osman, sedangkan beliau hanyalah kontraktor kelas F. Peruntukan projek tersebut sepatutnya daripada jabatan sukan tetapi diambil peruntukan Jabatan Kemajuan Negeri Perlis di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang sepatutnya wang tersebut digunakan untuk projek pembangunan kampung.

#### KISAH BENAR 3:

Isteri pertama Dato Seri Shahidan iaitu Datin Seri Samsiah juga mempunyai kepentingan dalam syarikat Seri Lot 10. Syarikat tersebut membekalkan barangan peralatan serta hadiah berbentuk hamper kepada pejabat Menteri Besar untuk majlis-majlis kerajaan. Hasil daripada rasuah yang diperolehi, Datin Seri mampu membeli barangan kemas dan hiasan bernilai jutaan RM dan rakyat Marhaen masih menderita. Beliau juga mempunyai 8 buah kereta termasuk sebuah kereta Perodua Kembara sebagai imbuhan kepada pemberian tanah stesen

minyak BP. Mengapa BPR melepaskan kes ini dan tidak diambil tindakan walaupun laporan telah diterima?

#### KISAH BENAR 4:

Dato Seri Shahidan telah menggunakan wang kerajaan negeri untuk mengadakan jamuan dan kenduri dirumahnya hampir setiap malam bagi mendapatkan sokongan padu dari orang UMNO/BN. Puluhan ribu ringgit dihabiskan setiap bulan dan mencecah jutaan RM sepanjang beliau menjadi Menteri Besar. Beliau juga membuat tuntutan perjalanan berjumlah ratusan ribu ringgit semasa lawatannya keluar negara dengan alasan untuk mencari pelabur tetapi tidak ada satu pun pelaburan yang masuk ke Negeri Perlis. Banyak memorandum telah ditanda tangani tetapi itu hanyalah gimik semata mata, akhirnya wang rakyat Marhaen yang dikebas oleh Dato Seri Shahidan.

Menteri Besar dan para Exconya membuat tuntutan perjalanan yang melampaui batas walaupun mereka tahu mereka tidak berhak berbuat demikian kerana minyak kereta telah diberikan percuma, begitu juga dengan tiket kapal terbang. Dato Seri Shahidan pernah membuat tuntutan sehingga RM 50 ribu dan exconya pernah membuat tuntutan antara RM2 ribu hingga RM3 ribu sebulan. Tidak dapat dipastikan samada BPR telah menyiasat perkara ini.

#### KISAH BENAR 5:

Dato Seri Shahidan telah menggunakan secara maksimum segala kuasa dan kekayaan yang ada padanya untuk memenuhi segala impiannya termasuklah memikat gadis-gadis yang digemarinya. Beberapa nama artis boleh dikaitkan seperti Ifa Raziah yang selalu ditemuinya di Hotel Pan Pacific KL, Jasmin Hamid, Nasha Aziz dan ramai lagi. Seorang gadis yang pernah disimpannya pernah menangis di depan beliau (pegawai Kerajaan) menceritakan

masalah beliau yang diugut oleh Dato Seri Shahidan. Pada ketika itu gadis yang bernama Isma Hafiza Bt Ismail baru 16 tahun dan beliau (pegawai Kerajaan) percaya ramai orang tahu cerita tersebut.

Beliau (pegawai Kerajaan) memohon maaf kerana tidak dapat menyatakan nama beliau kerana sebagai seorang kakitangan kerajaan yang masih bekerja. Beliau dedahkan perkara ini atas dasar rasa keinsafan yang tinggi iaitu rakyat Marhaen Perlis dan Perdana Menteri yang tumpang bodoh.

Jika MCA/BN menang beliau (shahidan) akan mengatakan rakyat Marhaen Perlis masih menyokong beliau (shahidan). Jika MCA/BN kalah diPRK Indera Kayangan beliau (shahidan) akan mengatakan orang UMNO sendiri yang telah membuat pakatan supaya beliau (shahidan) disabotaj seperti dalam kes surat layang yang beliau (shahidan) dedahkan padahal beliau sendiri yang merancang surat layang tersebut. Negeri Perlis telah berhutang sebanyak RM 45 juta dan pengundi pengundi Di Perlis mesti bertindak sekarang untuk menyelamatkan negeri Perlis yang di cintai!

Persoalannya Shahidan Kassim kan anak emas Mahathir Mohamad. Dari cerita yang di dengar sekiranya Pak Lah jadi PM, maka shahidan Kassim akan basah bulu ketiak dan semua bulunya kerana Pak Lah tak sebulu dengan Shahidan Kassim. Apa pun kita tunggu dan lihat nanti.

Yang nyata, Shahidan Kasim mahu semua pengguna Telifon bimbit berdatar kerana telefon pra-bayar tidak mendaftar dengan syarikat, menyebabkan ada pasangan suami isteri bercerai kerana sms dan memfitnah kerajaan.

**Sumber: Utusan Malaysia.**



### **3.0 BUDAYA SMS DALAM ARENA EKONOMI**

#### ***3.1 Khidmat SMS kad kredit Bank Islam***

Hampir 40,000 pengguna kad kredit Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) bakal menikmati kemudahan nilai tambah dalam usaha institusi kewangan itu menghargai pelanggannya.

Penolong Pengurus Besar (Bank Islam Credit Card), Abdul Rahim Abdul Razak, berkata perkhidmatan baru itu akan membolehkan pelanggan kad kredit Bank Islam menjimatkan masa. “Kami akan menggunakan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) untuk memaklumkan pelanggan mengenai penyata bulanan atau baki akaun,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian dengan pemaju plikasi telekomunikasi dan nilai tambah sistem pesanan ringkas (SMS), AKN Messaging Technologies Berhad (AKN MTech) di Kuala Lumpur, semalam. Menerusi perjanjian setahun itu, AKN MTech akan menyediakan prasarana SMS untuk membolehkan Bank Islam menyalurkan maklumat kepada pelanggan kad kredit. Abdul Rahim berkata, selain maklumat penyata dan baki akaun, pelanggan turut dimaklumkan mengenai pengambilan kad baru, kehilangan dan status kad. “Ini adalah perkhidmatan peringkat pertama yang diperkenalkan Bank Islam. Selepas ini, kami bercadang untuk membolehkan pelanggan berinteraksi menggunakan SMS,” katanya.

Pengarah Urusan AKN Mtech, S B Lim pula menjelaskan, Bank Islam adalah institusi kewangan sulung di Malaysia mewujudkan kemudahan berkenaan. “Masyarakat SMS kini memang ramai. Tindakan Bank Islam menggunakan SMS untuk menyalurkan pelbagai maklumat lebih berkesan kerana tidak perlu tunggu waktu pejabat,” katanya.

AKN MTech adalah antara pemain utama di pasaran SMS tempatan dengan aktiviti utama perniagaannya ialah mencipta grafik dan pelbagai nada dering. Bagaimanapun, syarikat tempatan itu turut mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila mengadakan

kerjasama dengan tiga pengendali rangkaian GSM di Thailand. Antara pengendali terbabit ialah Advanced Information Service Public Company Limited (AIS), syarikat telekomunikasi terbesar di Thailand. Syarikat gergasi itu memiliki pasaran kira-kira 60 peratus daripada 11.5 juta pengguna di negara itu.

**Sumber: Harian Metro - 14 Ogos 2003**

### ***3.2 Bank Islam perkenal fasa kedua khidmat bank SMS***

Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), bercadang memperkenalkan fasa kedua perkhidmatan perbankan pesanan ringkas (SMS) secara interaktif yang membenarkan pelanggan menghantar SMS kepada pihak bank.

Pembantu Pengurus Besar Pusat Kad Bank Islam, Abdul Rahim Abdul Razak, berkata fasa kedua perkhidmatan SMS interaktif itu disasarkan kepada pelanggan bank yang menggunakan telefon selular dan juga pengguna talian tetap yang memiliki perkhidmatan SMS.

"Perkhidmatan interaktif itu dijangka dapat ditawarkan kepada pengguna menjelang penghujung tahun ini," katanya selepas majlis pelancaran kad kredit Visa-EMV Bank Islam di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Sejak diperkenalkan Ogos lalu, Bank Islam menggunakan perkhidmatan SMS secara agresif terutamanya untuk penyataan status permohonan kad kredit, ingatan pembayaran bil dan juga penyataan jika pengguna melebihi had kredit yang dibenarkan.

Abdul Rahim berkata, Bank Islam bercadang memperkenalkan kad debit, kad prabayar, tunai MEPS, dompet elektronik dan pelbagai aplikasi lain berasaskan cip.

"Keutamaan ialah memperkenalkan kad aplikasi kewangan seperti pengenalan dan capaian terutamanya kepada penuntut institusi pengajian tinggi dan kolej. Beberapa perbincangan sudah dan sedang berjalan dengan beberapa universiti di lembah Klang. Selain itu, Bank Islam juga bercadang memperkenalkan kad kesetiaan," katanya.

Beliau berkata, tugas utama sekarang ialah menyediakan 1,000 pedagang menjelang penghujung tahun ini untuk menyokong penghijrahan kad kredit Visa-EMV dengan lancar selaras dengan arahan Bank Negara Malaysia untuk memastikan pertukaran itu berjalan dengan baik seperti yang dirancang.

"Ia juga selari dengan hasrat Bank Islam untuk mencapai sasaran 20,000 pemegang kad kredit Visa-EMV menjelang Jun tahun depan," katanya.

**Sumber: Berita Harian – 13 Oktober 2003**

### ***3.3 Syarikat Telekom dijangka hadapi lebih persaingan pada 2004***

Dengan struktur industri yang lebih kecil hasil daripada penggabungan, prospek bagi industri telekomunikasi pada 2004 akan dibentuk oleh usaha yang dilakukan oleh tiga penggiat utama yang bersaing dalam mengekalkan keberkesanan operasi dan modal mereka.

"Persaingan akan semakin menarik pada masa depan, terutamanya dengan pengurangan asas pelanggan mudah alih," kata Ong Gaik Ean, penganalisis kanan Rating Agency Malaysia Bhd (RAM). Beliau memberitahu Bernama bahawa pertumbuhan tidak akan berada pada kadar tahunan biasa sebanyak 30-40 peratus sebagaimana sebelumnya dan ini bermakna pengendali perlu bekerja lebih keras lagi bagi menarik dan mengekalkan para pelanggan melalui persaingan harga dan perbezaan produk.

Perkhidmatan data mudah alih, walaupun masih di peringkat awal, boleh memberikan perolehan yang baik bagi pengendali, bersedia untuk gelombang akan datang dalam revolusi

mudah alih. Industri telekomunikasi tempatan telah melalui penggabungan yang penting daripada lima penggiat -- Telekom Malaysia Bhd, Celcom (Malaysia) Sdn Bhd, Maxis Communications Bhd, DiGi Telecommunications Sdn Bhd dan Time. Telecommunications Sdn Bhd -- kini kepada tiga berikutan pengambilalihan Celcom oleh Telekom, kerjasama Maxis dan Time dotCom Bhd, dan membiarkan DiGi tinggal sebagai penggiat yang mempunyai kelebihanannya yang tersendiri.

Penganalisis percaya bahawa penggabungan entiti berkenaan akan menyemarakkan lagi persaingan dalam industri. Memandangkan kadar penembusan mudah alih (kini pada 40 peratus) hampir matang, ketiga-tiga penggiat mudah alih -- di mana dua menguasai hampir 80 peratus daripada pasaran -- perlu bekerja ke arah mengekalkan keuntungan dengan memperbaiki sistem perkhidmatan. Ong berkata Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dijangka menyediakan rangsangan seterusnya bagi menggalakkan pertumbuhan dalam sektor berkenaan. Bagi perkhidmatan data, beliau berkata permintaan baginya terus tertumpu pada permohonan berasaskan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) di samping terdapat juga permintaan yang semakin bertambah dalam perkhidmatan pesanan multimedia (MMS). Adalah dianggarkan 3.0 bilion pesanan teks SMS dengan bil menghasilkan perolehan data mudah alih sebanyak RM450 juta pada 2002 dan permintaan perkhidmatan data terus berkembang pada 2003 dengan pengenalan MMS yang membolehkan pengguna memindahkan visual, teks dan pesanan audio.

Tetapi Ong berkata paras kecanggihan dalam penggunaan data mudah alih masih di bawah potensi sepenuhnya bagi 3G (Perkhidmatan Telekomunikasi Mudah Alih Universal), satu teknologi yang menyokong transmisi data yang lebih tinggi. Pada Julai 2003, SKMM memperuntukkan satu blok spektrum kepada Telekom Malaysia dan Maxis (melalui syarikat milik penuhnya UMTS (M) Sdn Bhd) bagi pelancaran perkhidmatan mudah alih 3G. Dalam hal ini, adalah dijangka yang modal dan operasi dapat dijimatkan daripada proses

rasionalisasi berkenaan yang akan menjadi keperluan perbelanjaan masa depan infrastruktur 3G. Bagaimanapun, pelaburan dalam 3G dijangka berkembang secara beransur-ansur setelah penganalisis merasakan bahawa pasaran perlu bersedia dahulu untuk paras kecanggihan yang lebih tinggi lagi. Dengan itu, industri telekomunikasi pada 2004 akan menyaksikan pengendali terus berbelanja ke arah meningkatkan perangkaian dan tawaran produk sedia ada mereka yang akan berkait dengan teknologi yang sama seperti 2G (Sistem Global Untuk Mudah alih atau GSM) dan 2.5G (yang dikaitkan dengan Perkhidmatan Radio Paket Am atau GPRS).

Pada 2002, peningkatan dalam pelanggan mudah alih ialah pada 24 peratus dan pertumbuhan pada 2003 dijangka berkembang antara 10 dan 15 peratus kepada 10.6 juta pelanggan. Bagi perkhidmatan talian tetap, mereka mencatatkan sedikit penurunan dalam pelanggan pada 2002 setelah mereka terus menghadapi saingan dengan penggantian mudah alih, telefoni berasaskan Internet dan harga yang kompetitif dalam telefoni antarabangsa. Sementara itu, sejumlah kecil penggiat yang mempunyai kelebihan tersendiri muncul dalam arena telekomunikasi tempatan bagi memenuhi segmen pasaran yang berbeza dan ini akan terus merangsang pasaran. Satu daripada mereka ialah REDtone Telecommunications, syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan panggilan berdiskaun. Ong berkata perkembangan industri telekomunikasi tempatan akan terus menerima sokongan kawal selia yang lebih kukuh daripada kerajaan. Pelbagai penambahbaikan dasar telah dicadangkan seperti perkongsian menara telekomunikasi dan cadangan liberalisasi hubungan jarak jauh.

**Sumber:** [http://www.utusansarawak.com.my/publish/article\\_12001.shtml](http://www.utusansarawak.com.my/publish/article_12001.shtml)

## **4.0 BUDAYA SMS DALAM ARENA KELUARGA**

### ***4.1 SMS mampu pantau aktiviti remaja***

SYDNEY: Ibu bapa kini boleh mengesan kegiatan anak remaja mereka selama 24 jam menggunakan perkhidmatan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) rahsia, menurut laporan akhbar Herald Sun, semalam.

Laporan berkenaan mengatakan, ibu bapa yang menggunakan teknologi ‘pengesan teks’ itu boleh menerima semula SMS yang dengan segera mendedahkan lokasi anak mereka yang memiliki telefon bimbit.

Pada masa sama, katanya, remaja terbabit tidak mengetahui bahawa ibu bapa mereka sedang memeriksa apa yang sedang dilakukannya. Bagaimanapun, perkhidmatan itu boleh digunakan bergantung kepada bajet ibu bapa terbabit kerana di United Kingdom, ia membabitkan kos bernilai kira-kira AS\$100 (RM380).

Sementara itu, pakar hak persendirian berkata, pesakit fidofilia (mereka yang gemar melakukan seks ke atas kanak-kanak) mungkin cuba mengganggu sistem itu bagi mengesan mangsa yang diingini.

Menurut laporan itu lagi, pengguna hanya memerlukan telefon bimbit yang standard dan setiap pemeriksaan yang berharga kira-kira 55 sen. Sistem pengesan sebelum ini menggunakan satelit GPS yang memerlukan belanja sehingga AS\$1,000 (RM3,800) dan ibu bapa enggan membayar jumlah itu.

Pembekal pula menjangka sistem terbaru berkenaan mendapat sambutan hangat kerana kini, pengguna mampu menggunakannya. Menurutnya, ibu bapa boleh menetapkan zon tertentu bagi pergerakan anak mereka sama ada di luar kawasan sekolah atau rumah teman lelaki.

Jika remaja berkenaan masuk atau keluar daripada zon berkenaan, satu amaran kecemasan akan tercetus menyebabkan SMS dihantar secara segera kepada ibu bapa terbabit. Ibu bapa juga boleh menetapkan pemeriksaan lokasi yang kerap pada waktu yang ditetapkan selain memantau pergerakan anak pada hujung hari, minggu atau bulan.

Bagaimanapun, ia memerlukan persetujuan remaja terbabit sebelum seorang operator persendirian dapat menjejaki setiap pergerakannya yang sekali gus membolehkan ibu bapa mendapat hak memantau sepenuhnya.

Tidak seperti pengesan GPS, sistem itu mampu menjejaki pengguna telefon bimbit walaupun berada dalam bangunan. Berikutan itu, syarikat perisian Australia, Internav akan memperkenalkan perkhidmatan Findafone itu Mac depan selepas cara sama mendapat sambutan baik di Britain.

**Sumber: Berita Harian – Dunia**

#### ***4.2 Cerai melalui SMS antara pasangan suami isteri***

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan, kemajuan dalam teknologi komunikasi sekarang tidak harus digunakan sewenang-wenangnya sehingga ada yang menceraikan isteri melalui sistem pesanan ringkas (SMS).

"Saya tidak begitu senang berhubung perkara ini tetapi ia telah diterima, tak salah dari segi undang-undang dan tidak salah dari segi Islam," kata Perdana Menteri merujuk satu kes perceraian membabitkan penggunaan SMS baru-baru ini.

Berucap merasmikan pembukaan Ericsson@MSC di Cyberjaya semalam, beliau berkata kalau pun perceraian tidak dapat dielakkan, pasangan terbabit terutama suami, seharusnya mengambil pendekatan yang lebih bersifat peribadi daripada SMS.

"Daripada menghantar mesej (untuk bercerai), kita harap dia akan melihat wajah isterinya yang cantik itu, telefon dan berbual dengannya. Mungkin dia (isteri) akan menangis dan lelaki tadi akan menarik balik (hasrat untuk bercerai). Ini barulah kemajuan," kata Perdana Menteri.

Isu cerai melalui SMS menarik perhatian umum apabila Mahkamah Syariah Gombak Timur Khamis lalu mengesahkan perceraian pasangan suami isteri dibuat menerusi kaedah itu.

Hakim Mohamad Fauzi Ismail memutuskan perkahwinan antara Azida Fazlina Abdul Latif dengan Shamsudin Latif berakhir apabila Shamsudin menghantar SMS kepada Azida Fazlina yang berbunyi: "Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga." Beliau berkata, lafaz cerai yang dibuat oleh Shamsudin kepada isterinya di luar mahkamah melalui SMS pada 18 April lalu adalah cerai taklik.

Keputusan itu menimbulkan kebimbangan di kalangan pertubuhan dan pemimpin wanita kemungkinan lebih ramai isteri menjadi mangsa perceraian seumpama itu. Malah, ada yang menganggapnya sebagai satu penghinaan.

Di Port Dickson, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) membuat penelitian terperinci mengenai kaedah perceraian menerusi SMS.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Institut Latihan dan Kefahaman Islam (Ilmi) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Sua Betong, Timbalan Perdana Menteri berkata, antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah kemungkinan berlaku penipuan ketika proses penyampaian mesej dalam sistem berkenaan.

"Macam-macam orang boleh hantar SMS, mungkin boleh berlaku penipuan, SMS boleh dihantar sesiapa juga, SMS tidak ada tanda tangan. Ini kena tanya Jakim, macam mana hendak kendalikan kes seumpama ini," katanya sambil menunjuk ke arah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin yang turut hadir.

Abdullah berkata, Jakim mesti prihatin mengenai kebimbangan dan rasa kurang senang hati wanita terhadap kaedah lafaz cerai itu.



Katanya, beliau memahami punca sebenar kalangan wanita risau mengenai gejala cerai melalui SMS kerana kemungkinan berlaku penipuan. "Berbanding surat biasa yang terdapat tulisan dan tanda tangan, SMS boleh dihantar oleh sesiapa saja. Orang tak nampak, muka tak nampak, tiba-tiba datang SMS kena cerai," katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil memberitahu pemberita di sini, beliau akan membawa isu perceraian melalui SMS ke mesyuarat Kabinet esok.

Katanya, Jakim perlu memberi penjelasan kepada Kabinet mengenai asas prinsip yang diambil kira ketika Mahkamah Syariah membuat keputusan itu. "Kita minta Jakim dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin supaya mengambil kira perkembangan ini dan menentukan ia (SMS) tidak dijadikan alat untuk menceraikan isteri.

"SMS terlalu mudah dipermainkan dan perkahwinan bukan suatu perkara yang harus dipermainkan. Lagikan pekerja tidak boleh diberhentikan dengan SMS, inikan pula perceraian, satu penghinaan yang begitu ketara kepada wanita.

"Kita mahu pastikan ia (lafaz cerai menerusi SMS) tidak dijadikan budaya kerana membawa satu imej yang begitu negatif terhadap Islam, walhal Islam meletakkan maruah wanita pada martabat mulia sekali," katanya selepas perasmian kempen mengutip dana dan penerbitan Sisters In Islam oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, semalam.

**( Keluarga UM 3.8.2003 Jangan hina isteri)**

*Pengakuan dari ibu beranak satu Harniza:*

Suami saya beranggapan cerai itu (kami) tidak sah (apabila kabinet turut membincangkan kes perceraian SMS pasangan di Gombak). Saya harap isu ini diperjelaskan supaya kaum lelaki yang mungkin gila talak tidak mempermainkan soal perceraian ini," katanya. Harniza cuma

mahu menuntut nafkah untuk anak lelakinya, tetapi suaminya berdolak-dalik dan mahu Harniza bercakap dengan peguamnya. Harniza berharap kesnya ini mendapat bantuan terutama pandangan di kalangan ulama.

``SMS ini sama seperti lelaki yang mudah menceraikan isteri. *Short and Easy but no responsibility* (ringkas dan mudah, tetapi tidak bertanggungjawab," katanya (Dalam Negeri UM 5.8.2003) KUALA LUMPUR 5 Ogos - Kaum wanita di negara ini yang pernah diceraikan suami melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) boleh membuat pengaduan kepada Unit Kaunseling Jabatan Pembangunan Wanita dan Keluarga di Kementerian tersebut untuk diselesaikan. (UM 6.8.2003)

*Komentor Salleh Buang (Rencana UM 6.08.2003)*

Merujuk kepada kes yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur minggu lalu itu, saya kira laporan akhbar tempatan ada sedikit mengelirukan (atau kurang tepat), dan sebab itu ia telah disalah tafsir oleh sebahagian masyarakat setempat.

Tanggapan yang timbul dari laporan akhbar mengenai kes itu ialah seolah-olahnya suami telah melafazkan talak terhadap isterinya menerusi SMS.

Andaian seperti itu sebenarnya adalah tidak betul. Kalau kita baca dengan teliti fakta kes itu, sebenarnya mesej ringkas yang dihantar secara elektronik oleh lelaki itu kepada isterinya pada 18 April lalu itu adalah lafaz taklik, bukan lafaz talak.

Dalam keterangannya di mahkamah, Azida Fazlina menyatakan bahawa dia ada menerima dan membaca mesej itu yang berbunyi seperti berikut ``Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga". Suami Azida pula, dalam keterangannya di mahkamah, mengakui bahawa dia ada menghantar mesej itu kepada isterinya.

Berlandaskan peruntukan undang-undang berhubung keterangan, seperti yang terkandung dalam Enakmen Keterangan Syariah yang sudah lama berkuat kuasa di

mahkamah syariah, apabila setiap pihak dalam sesuatu kes itu telah berikrar di hadapan mahkamah semasa prosiding berjalan (iaitu mengakui apa yang berlaku itu adalah perbuatannya dengan sengaja dan rela hati), maka mahkamah tidak perlu melihat kepada keterangan-keterangan lain.

Kes akan hanya menjadi rumit sekiranya (sebagai misalan) si suami menafikan ada menghantar SMS itu atau si isteri menafikan ada menerima dan mengetahui kandungan SMS itu.

Kesimpulannya dalam kes yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur itu, disebabkan hakim bicara dalam kes itu telah mendengar ikrar kedua-dua pihak (suami dan isteri) tentang penghantaran (oleh suami) dan penerimaan (oleh isteri) lafaz taklik menerusi SMS itu, dan syarat atau perkara yang disebutkan dalam taklik itu benar-benar telah berlaku, hakim bicara tidak ada pilihan lain lalu mensabitkan perceraian telah berlaku. Dengan lain perkataan, dalam kes Azida dan suaminya ini, ikatan perkahwinan mereka bubar disebabkan mahkamah terima ikrar kedua-dua pihak sebagai bukti lalu mengesahkan perceraian berlaku disebabkan lafaz taklik suami kepada isterinya. Saya harap tidak akan ada mana-mana pihak, walau bagaimana baik sekalipun motif mereka, mempertikai atau mempersoal keputusan Mahkamah Syariah Gombak Timur itu.

**Sumber:** <http://www.jas.sains.my/NR/exeres/8DBDA4D8-8191-490E-95062AAAF87978AC.htm>

## **5.0 BUDAYA SMS DALAM ARENA AGAMA**

### ***5.1 Cerai melalui SMS (Ikatan Intelektual Nusantara)***

Pada 24 April lalu warga kota dikejutkan dengan isu cerai SMS, iaitu lafaz cerai atau taklik dilakukan dengan menggunakan alat komunikasi telefon bimbit. Ianya hanya sebuah pesanan

ringkas tapi membawa natijah yang baru dalam kehidupan berumahtangga. Isu ini menjadi semakin hangat apabila adanya campurtangan dari Dato Seri Dr Mahathir Muhamad dan juga menteri Pembangunan wanita, Dato' Shahrizat Haji Jalil. Isu ini sebenarnya tidaklah sekronik mana, tetapi medialah yang memainkan peranan mewarwarkan seolah-olah isu ini merupakan isu penting untuk didiskusikan di kedai-kedai kopi, tak kira di kafe berinternet atau kedai kopi Pak Ali. Kebanyakan tukang cerita-ceriti ini berbicara hingga melangkaui batas hukum syarak.

Bermula alkisah, apabila Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur dekat sini hari ini mengesah dan mensabitkan perceraian satu pasangan suami isteri yang dilafazkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) pada April lalu. SMS yang dihantar oleh Shamsudin Latif kepada bekas isterinya, Azida Fazlina Abdul Latif tertera: *``Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga``*. Pada masa lafaz itu dihantar pada pukul 10.04 pagi 18 April lalu, Azida berada di rumah keluarganya dan dia hanya membacanya pada pukul 8 malam apabila telefon bimbitnya dipasang.

Hakim Syarie Mohamad Fauzi Ismail semasa membuat keputusan berkata, lafaz taklik cerai itu sah dan sabit serta gugur talak tiga terhadap Azida. (Utusan Malaysia, Muka Depan 25.8.2003) Pada prosiding 9 Julai lalu, Azida yang bertindak sebagai plaintif memberitahu mahkamah bahawa dia pasti SMS itu dihantar oleh suaminya (ketika itu). Shamsudin yang dinamakan sebagai defendan ketika ditanya oleh mahkamah, memperakukan keterangan yang diberikan oleh Azida. (UM 25.8.2003)

Berasakan sumber berita lebih kurang dari surat khabar ini maka lahirlah berbagai spekulasi berkenaan dengan Cerai SMS ada yang PRO dan KONTRA. Ada yang melampau-lampau membangkang cerai SMS dan merasakan seolah-olah ia penghinaan kepada Wanita, tidak terkecuali Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Dato' Seri Shahrizat Hj Jalil, Sisters in

Islam, beberapa pertubuhan NGO wanita yang kurang dikenali. Isu hukum syarak tidak ditonjolkan berkenaan dengan cerai SMS, yang ditonjolkan ialah isu ‘menghina wanita’, mereka bersikap anti-kepada Keputusan Mahkamah Syariah itu. Ada satu tulisan menarik dari sebuah rencana dalam Utusan Malaysia yang betul-betul mempertikaikan tindakan Hakim Syarei. Seolah-olah Hakim Syarei tersebut tidak teliti, yang amat menggelikan hati, rencana tersebut cuba mengajar pihak tertentu bagaimana untuk mengesahkan SMS itu ditulis oleh suaminya dan sebagainya.

Tidak kurang juga yang betul-betul mempermainkan isu ini, ada yang membuat andaian kalau seseorang itu poligami, tiba-tiba isteri pertama cemburu hantar SMS menceraikan isteri kedua dengan talak tiga sekali gus, habislah sang suami. Itulah beberapa kedangkalan pihak yang kononnya mereka berfikiran kritis tetapi sebenarnya masih dangkal dalam mengkaji idea ini secara menyeluruh, bahkan mereka mungkin tidak merujukpun kepada *written decision*, mungkin mereka ini hanya merujuk kepada laporan Akhbar dan Media massa yang agak terhad laporannya dan mengarah kepada memenagkan pendapat pihak tertentu.

Kemudian bermulalah isu mempertikaikan kewibawaan Hakim Syarei Mahkamah Gombak Timur bermula apabila Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan meminta *Jabatan Agama Islam* memberi penjelasan lanjut mengenai kedudukan perceraian melalui sistem pesanan ringkas (SMS) yang disahkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur. Menterinya, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman berkata, beliau ingin mengetahui kedudukan sebenar mengenai fatwa atau perkara-perkara yang membolehkan perceraian dengan cara itu disahkan. (Berita Dalam Negeri UM 26.7.2003) Ujar beliau “*Saya ingin mendapatkan maklumat mengenai perkara tersebut dan tidak akan mengeluarkan kenyataan mengenainya, sehingga mendapat penjelasan sepenuhnya.*” Soal yang menjadi pokok sekarang ialah institusi kekeluargaan yang harus sentiasa dilindungi

dari menghadapi masalah perpecahan. *''Perpecahan boleh mengakibatkan beberapa masalah lain. Jangan tambah masalah,''* katanya. Kata beliau, ahli keluarga mesti bertanggungjawab terhadap keluarga masing-masing dan tidak boleh membiarkan masalah itu diselesaikan secara berasingan atau mengambil pendekatan sambil lewa. Beliau menambah, jika menghadapi masalah dalam keluarga, perkara itu perlu dirujuk kepada pihak tertentu yang mahir.

Para mufti dan ahli agama berpendapat walaupun lafaz perceraian melalui alat telekomunikasi moden termasuk e-mel dan sistem pesanan ringkas (SMS) dibolehkan dalam Islam tetapi ia tidak digalakkan bagi mengelakkan kekeliruan. Mereka turut meminta umat Islam supaya menggunakan kaedah lebih terhormat apabila melafazkan cerai terhadap isteri kerana agama Islam sendiri membenci perceraian. Mufti Kedah, **Datuk Syeikh Hasbullah Abdul Halim** berkata, Islam tidak pernah menghalang umatnya daripada menggunakan kemudahan teknologi semasa termasuk dalam berkomunikasi dengan seseorang.

*''Bukan sahaja SMS, kalau guna Internet juga boleh kerana yang penting ialah maklumat itu mesti sampai kepada si isteri,''* katanya kepada *Utusan Malaysia*. Beliau juga menambah *''Lafaz melalui SMS dinamakan sebagai lafaz kinayah (tidak terus terang) sementara lafaz ucap (bersemuka) pula dipanggil sebagai lafaz soreh (terus terang)''*. Jelas beliau, perbezaan antara kedua-dua lafaz tersebut ialah lafaz talak kinayah hanya sah jika diikuti dengan niat manakala lafaz talak soreh cukup menerusi kata-kata sahaja. (Dalam Negeri UM 26.7.2003)

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, **Datuk Dr. Ismail Ibrahim** berkata, penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian adalah perkara baik tetapi ia tidak harus disalahgunakan terutama bagi perkara yang membabitkan hukum agama. *''Jangan gunakan sewenang-wenangnya e-mel, Internet atau SMS walaupun latar belakang mereka yang menghantar pesanan boleh disiasat untuk mengesahkannya,''* katanya. Menurut beliau,

meskipun menyampaikan sesuatu seperti talak melalui SMS perlu disahkan oleh mahkamah, ia dibimbangi akan menimbulkan masalah lain. (UM 26.7.2003)

**Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** berkata, kemajuan teknologi tidak sepatutnya disalah guna termasuk bercerai melalui SMS telefon bimbit. Beliau yang kesal dengan kejadian menimpa sepasang suami isteri terbabit berkata, walaupun dibolehkan oleh syarak namun ia tidak sepatutnya diamalkan.

*``Saya tidak sokong benda ini. Sepatutnya kalau hendak bercerai kena bersemuka bukan SMS, Mereka (pasangan terbabit) gunakan teknologi ini untuk bersemuka atau berbual, dan dari situ mungkin timbul perasaan kasihan dan tidak jadi bercerai. Inilah kemajuan dalam bidang telekomunikasi,``* katanya. (Muka depan UM 30.7.2003)

**Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** berkata mesyuarat mingguan Kabinet hari ini berpandangan bahawa perceraian pasangan Islam tidak sepatutnya dilakukan dengan lafaz cerai melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS). *"Kabinet memutuskan yang sementara mereka mungkin betul daripada sudut lain, ia bukan cara untuk bercerai,"* katanya semasa mengulas mengenai keputusan Kabinet terhadap perkara itu. (Muka Depan UM 31.7.2003)

**Dato' Sharizat Abdul Jalil** *``Kementerian saya tidak bersetuju dengan budaya tersebut. Ia merupakan satu penghinaan kepada wanita dan membawa imej yang negatif kepada Islam. Kita mintalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin mengambil kira perkembangan terbaru ini agar SMS tidak menjadi alat untuk wanita diceraikan.``* (Muka depan UM 30.7.2003)

**Awang Selamat** (UM30.7.2003) setuju 100% dengan Dato' Sharizat, si awang ini setuju talak jatuh tapi inginkan kerajaan membuat peraturan mencegah cerra SMS Manakala dalam tajuk Pinda Undang-undang Keluarga Islam jika lemah (Muka depan UM 31.7.2003) Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan mengesyorkan supaya Undang-undang Keluarga Islam dipinda jika terbukti wujud kelemahan sehingga

mbolehkan lafaz cerai melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dibuat sewenang-wenangnya. Menteriya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, Kabinet memandang berat perkara itu dan sependapat dengan kementerian bahawa perceraian melalui cara tersebut tidak selaras dengan semangat Syariah. Tegasnya, ia tidak harus dilihat sebagai penghinaan ke atas wanita sahaja, sebaliknya boleh mencemarkan imej agama suci itu dan menjatuhkan maruah lelaki Islam di negara ini.

*``Kita akan syor pinda undang-undang kalau jelas dan nyata ada kelonggaran di dalamnya yang menyebabkan perceraian melalui SMS berlaku di negara ini. ``Bukan setakat menerusi SMS bahkan melalui e-mel pun kerana dianggap telah menyalahgunakan teknologi yang ada,"* katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat pasca Kabinet bagi kementeriannya di sini hari ini. Kabinet hari ini membincangkan isu lafaz cerai melalui SMS ekoran timbul kontroversi sama ada cara itu beradab atau tidak dan apakah ia satu penghinaan kepada wanita serta kesannya kepada imej Islam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin** berkata bahawa Lafaz cerai melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) tidak sah sehingga diperakukan oleh Mahkamah Syariah di negara ini. Menurut beliau, jika seseorang suami menghantar SMS menyatakan cerai kepada isteri, talak tidak jatuh kerana ia tertakluk kepada hukum bahawa mengikut undang-undang Islam di negara ini ia perlu dibawa ke mahkamah untuk disahkan.

*``Situasi itu dianggap sebagai cuba untuk bercerai dan ia tidak sah sehingga diperakukan oleh Mahkamah Syariah mengikut Undang-Undang Keluarga Islam 1984,"* katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat pasca-Kabinet di pejabatnya di sini hari ini sebagai mengulas mengenai senario baru perceraian menggunakan SMS. Abdul Hamid menjelaskan, merujuk kepada lafaz cerai melalui SMS yang dihantar oleh Shamsudin Latif kepada bekas isterinya, Azida Fazlina Abdul Latif pada 18 April lalu



dan disabitkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur pada 24 Julai lepas, beliau berkata:

*“Lafaz cerai itu tidak sah dan mereka masih suami isteri yang sah dalam tempoh mula SMS itu dihantar sehingga mahkamah sahkan perceraian itu (pada 24 Julai lalu)”.*

Katanya lagi, talak yang dilafaz oleh suami termasuk menggunakan e-mel, faksimile dan surat juga dikategorikan sebagai ‘cuba’ melakukan perceraian di luar mahkamah atau tanpa kebenaran dan ia bertentangan dengan undang-undang Islam di negara ini.

Menurutnya, undang-undang itu diwujudkan mengikut kaedah fiqah iaitu *sesuatu tindakan imam (pemimpin) ke atas rakyat bergantung kepada kepentingan umum.*

*“Ia adalah untuk memastikan si suami tidak melafazkan talak dengan sesuka hati yang boleh menganiaya isteri. Oleh itu, mengikut Seksyen 124 undang-undang berkenaan, sesuatu perceraian di luar mahkamah atau tanpa kebenaran mahkamah akan dikenakan denda sehingga RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Jadi, jika suami cuba melakukan perceraian menggunakan SMS, maka tidak jatuh talak. Bukan SMS yang ‘berkuasa’ menceraikan pasangan suami isteri tetapi mahkamah,”* katanya.

Abdul Hamid berkata, undang-undang keluarga Islam di negara ini tidak membenarkan suami melafazkan talak dengan sesuka hati bertujuan untuk memelihara kehormatan kaum wanita. Selain itu ujarinya, ia bagi memastikan proses perceraian berlaku dalam suasana harmoni, sekalipun ia dibenarkan oleh Islam.

*“Oleh yang demikian, Jabatan Kefahaman Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditugaskan mengkaji semula peraturan berkaitan.*

*“Mungkin denda boleh dinaikkan kepada penjara tiga tahun atau denda sebanyak RM5,000, ini semua akan dirujuk semula,”* ujarinya. (Muka depan UM 31.07.2003)

**Mohd Shauki Abdul Majid, Penolong Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim).** (Rencana UM 2.8.2003) Melafaz talak melalui SMS tidak seharusnya berlaku kerana ikatan perkahwinan dalam Islam jauh dari sikap emosional. Seorang Muslim sejati seharusnya memiliki kesopanan, budi, kesabaran dan kekuatan diri dalam menangani persoalan ini. Seseorang itu mungkin tidak menyukai sesuatu dan cuba untuk menjauhinya padahal dari segi kenyataannya ia mengandungi banyak kebaikan dan rahmat.

*Bergaullah dengan isteri kamu menurut yang sepatutnya. Kalau kamu benci kepada mereka (hendaklah kamu bersabar), kerana boleh jadi kamu benci pada sesuatu sedang Allah menjadikan kebaikan yang banyak di dalamnya. (Surah an-Nisa ayat 19)*

Peraturan yang membabitkan perceraian di luar mahkamah mungkin diperketatkan termasuklah cadangan memperkenalkan hukuman penjara mandatori kepada suami yang melafazkan cerai melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) telefon bimbit. Ketua Pengarah **Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman** berkata, ini disebabkan hukuman yang ada sekarang gagal menghalang perkara tersebut walaupun ia sebenarnya sudah cukup tegas.

*“Bagaimanapun, walau setegas mana undang-undang sekalipun ia bukanlah satu jaminan bahawa masalah berkenaan dapat diatasi kerana yang paling penting adalah kesedaran di dalam diri para suami. Suami hendaklah ingat bahawa mereka mesti menggunakan cara yang lebih beradab dan bertanggungjawab walaupun lafaz cerai yang dilakukan di luar mahkamah, ia tetap jatuh dari segi syarak,”* katanya ketika dihubungi di sini hari ini. (Muka depan UM 3.08.2003)

Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) berpendapat cadangan memperkenalkan hukuman penjara mandatori ke atas suami yang melafazkan cerai melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) telefon bimbit mampu mengatasi masalah perceraian melalui SMS daripada berleluasa. **Yang Dipertua NCWO, Profesor Datuk Dr. Sharifah Hapsah**

**Syed Hasan Shahabudin** berkata, hukuman berkenaan akan menjadikan golongan suami lebih berhati-hati dan membendung perbuatan melafazkan cerai dengan sewenang-wenangnya melalui perkhidmatan SMS. ``Hukuman penjara adalah lebih berat dan serius berbanding dengan hukuman mengenakan denda. ``Oleh itu saya percaya hukuman penjara mandatori adalah berkesan", katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini. **Pengerusi Perkhidmatan Hotline MCA, Tai Sim Yew** dalam satu kenyataan yang dikeluarkan berkata, masalah lafaz cerai melalui SMS harus dibendung demi memelihara kesucian dan kehormatan institusi kekeluargaan dan perkahwinan.

*``Selain itu perbuatan tersebut juga adalah satu bentuk diskriminasi, prejudis dan penghinaan kepada maruah dan martabat kaum wanita di negara ini,"* tambah beliau. (Muka Depan UM 4.8.2003).

Isu ini benar-benar mengajak pelbagai pihak terdiri daripada orang ramai, ulama dan terutamanya golongan wanita melihat perkembangan kurang sihat ini. Kebanyakan mereka menyatakan rasa tidak puas hati terhadap cara talak itu *'dilafazkan'*.

Bahkan, lafaz cerai melalui SMS disifatkan sebagai menghina kaum isteri selain dilihat sebagai diskriminasi terhadap wanita. Pertubuhan Sisters In Islam (SIS) melalui Pegawai Penyelidiknya, Nik Noriani Nik Badlishah berkata, lafaz cerai menerusi SMS menunjukkan si suami tidak mempunyai adab ihsan di dalam diri.

*``SIS begitu terkejut kerana Majlis Agama Islam membenarkan perkara tersebut tanpa adanya tatatertib atau ihsan di dalam perkara tersebut. Seorang pekerja pun tidak boleh dibuang kerja melalui SMS, inikan pula perceraian yang merupakan satu perkara besar yang melibatkan rumah tangga,"* katanya.

Katanya, walaupun perceraian memang merupakan hak suami tetapi selalunya pihak isterilah yang akan menanggung segala proses perundangan dan sebagainya.

*“Proses perceraian selalunya akan berakhir dalam jangka masa yang lama dan menelan kos yang mahal,”* katanya. SIS katanya, tidak menduga Majlis Agama Islam sudah bersedia untuk menggunakan alatan moden bagi tujuan lafaz cerai yang sudah tentu memberi banyak kelebihan kepada pihak suami.

Dalam pada itu, Exco Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO), Faridah Khalid berkata, perceraian menerusi SMS merupakan satu penghinaan kepada institusi perkahwinan itu sendiri. Tambahan pula katanya, implikasi terhadap isteri dan keluarga adalah besar akibat perceraian dengan cara demikian.

*“Kita tidak tahu sama ada SMS tersebut dilakukan dengan tujuan penganiayaan oleh pihak yang sakit hati dengan pasangan tersebut.*

*“Ini sudah tentu akan menghancurkan sesebuah rumah tangga,”* katanya. Baginya, ikatan perkahwinan adalah sesuatu yang suci, namun dilihat untuk meleraikannya sebagai paling mudah dan terlalu singkat.

*“Untuk bercerai bukanlah satu yang mudah. Suami perlu mempertimbangkan banyak perkara sebelum membuat perisytiharan perceraian ke atas isterinya. Bukan hanya setakat menggunakan SMS sahaja,”* katanya.

Sementara itu Pengerusi Wanita Ikram, Maryam Abdul berkata, perceraian menggunakan SMS adalah terlalu mudah, terutamanya bagi suami yang *sudah ‘hilang pertimbangan’*.

Katanya, jangan salah menggunakan teknologi canggih untuk membuat sesuatu yang boleh menjatuhkan makhluk Tuhan yang lain.

*“Jika perlu bercerai, pergi ke mahkamah untuk kemukakan perceraian. Adalah tidak adil dan satu diskriminasi terhadap wanita sekiranya saluran ini tetap digunakan,”* katanya. Katanya, SMS tidak boleh dijadikan satu medium untuk perceraian dan kaum lelaki perlu dididik mengenai hal itu.

Presiden Pekerja Wanita Malaysia (Perwanis), Silam Hassan berkata, sekiranya perkara itu menjadi amalan, beliau kluatir lafaz cerai menerusi SMS akan menjadi satu polisi Undang-Undang Keluarga Islam pada masa akan datang. Jika ini berlaku katanya, ia merupakan satu penganiayaan, penghinaan dan diskriminasi terhadap golongan isteri dan wanita.

*“Banyak kes yang melibatkan tuntutan perceraian daripada isteri akan mengambil masa berbulan-bulan malahan bertahun sedangkan suami dengan hanya satu petikan butang boleh melafazkan perceraian,”* katanya. Beliau yang turut sedih dengan fenomena tersebut berkata, suami yang bertanggungjawab sepatutnya menghargai isteri mereka dan tidak melakukan perkara sewenang-wenangnya apabila sudah tidak suka.

Perceraian menggunakan SMS katanya, akan merendahkan kedudukan wanita, perkara ini akan mengakibatkan imej agama Islam dipandang negatif.

*“Kalau sesuatu perceraian perlu dilakukan, ia hendaklah dilakukan dengan penuh berhemah dan beradab. Wanita mempunyai maruah yang tinggi. Bukannya apabila dihargai diambil, bila dibenci, dibuang begitu sahaja bagai sampah tidak berguna,”* katanya.

### **Tahqiq: Cerai SMS mengikut Imam Mawawi**

Talaq melalui SMS menurut al-Syafi'iyah adalah talaq kinayah, bukan talaq sharih. Talaq kinayah begini memerlukan niat. Berikut ini pandangan dari al-Imam al-Nawawi dalam text Arabnya:

[وقوعه فالأظهر نواه وإن فلغو ينوه ولم طلاقا ناطق كتب ولو](#)

Ertinya: Jika seorang suami yang boleh bercakap menulis menjatuhkan talaq dan tidak berniat, maka talaqnya itu sia-sia. Jika dia berniat menjatuhkan talaq, maka menurut pendapat yang azhar/yang terkuat, jatuh talaqnya. (al-Minhaj)

(Rujuk Imam Nawawi, Minhaj al-Tholibin, hal 106)

Sumber: <http://ikin1924.tripod.com/sms.htm>

## **6.0 BUDAYA SMS DALAM ARENA PENDIDIKAN**

### ***6.1 Perkhidmatan Universiti Malaya Sistem Pesanan Ringkas(SMS)***

Universiti Malaya Short Message Service (SMS) adalah sistem pesanan ringkas yang dikhaskan kepada pelajar Universiti Malaya. Perkhidmatan ini memudahkan pelajar mengetahui kesemua maklumat yang terkini melalui telefon mudah alih. Setakat ini perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelajar adalah seperti berikut:

- a) Mengetahui keputusan peperiksaan
- b) Memeriksa baki akaun
- c) Memeriksa status matapelajaran yang didaftarkan

Perkhidmatan ini telah dibuka bermula 21 Jun 2003 dan hanya dikhususkan kepada pelajar UM. Caj yang akan dikenakan utk menghantar mesej ialah RM0.15. Manakala untuk menerima mesej cajnya adalah RM0.40. Untuk mesej bantuan pula caj menerima mesej adalah percuma.

Pelajar perlu mempunyai akaun Perdana Mail yang mengandungi Username dan Password bagi menggunakan perkhidmatan ini. Nombor yang diperlukan untuk menghantar perkhidmatan in adalah **39339**.

Pelajar boleh menggunakan perkhidmatan ini pada bila-bila masa dan ia beroperasi selama 24 jam sehari dan 7 hari seminggu. Perkhidmatan ini terbuka kepada semua pelajar Universiti Malaya yang menggunakan talian Celcom, TMTouch, Maxis dan Digi. Perkhidmatan ini adalah berdasarkan keputusan semester yang terkini sahaja. Contohnya, kalau saya adalah pelajar tahun 3, saya tidak dapat memeriksa keputusan peperiksaan saya ketika saya di tahun 2.

Seterusnya, ini merupakan langkah untuk menggunakan perkhidmatan Universiti Malaya Sistem Pesanan Ringkas;

- 1) Anda perlu menaip 'UM KEPUTUSAN' dan hantarkan kepada **39339**.
- 2) Anda akan menerima mesej 'Sila masukkan UM <Username> <Password> anda, Contoh: UM Fakrul 12345678'.
- 3) Anda akan menerima keputusan seperti contoh di bawah:

No. Daftar: XXXXXXXXX.

Sem/Sessi: 02/03-04.

Jam Kredit: 18.

GPA/CGPA: 3.62/3.72.

Keputusan: Lulus.

SKW 320: A.

SEU 331E: A-.

AKP 202: A-.

LAJ 400: A-.

Anda kemungkinan anda akan menerima mesej ini dalam 2 mesej.

Nota Penting: Kalau anda menerima “Rekod peperiksaan tidak wujud” selepas anda menghantar ke “UM keputusan”. Ini bermaksud anda masih tiada keputusan peperiksaan untuk semester berkenaan.

Selain itu, pelajar UM juga dapat memeriksa akaun semasa mereka menerusi SMS.

Langkahnya adalah seperti berikut:

- 1) Anda boleh menaip ‘UM AKAUN’ dan hantarkan kepada **39339**.
- 2) Anda akan menerima mesej ‘Sila masukkan UM <Username> <Password> anda.

Contoh: UM Fakrul 12345678’.

- 3) Anda akan menerima keputusan seperti contoh di bawah:

No. Daftar: XXXXXXXXX.

Sem/Sessi: 02/03-04.

Baki Hutang: RM 5,000.00. Untuk Pertanyaan, Sila hubungi 03-79673289 atau lawati

UMISISWEB.UM.EDU.MY

Disamping itu, pelajar UM juga boleh memeriksa pendaftaran kursus melalui SMS.

Langkahnya adalah seperti berikut:

- 1) Anda boleh menaip mesej ‘UM DAFTAR’ dan hantarkan ke 39339.
- 2) Anda akan menerima mesej ‘Sila masukkan UM <Username> <Password> anda,

Contoh: UM Fakrul 12345678’.

- 3) Anda akan menerima keputusan seperti contoh di bawah:

No. Daftar: XXXXXXXXX.

Sem/Sessi: 02/03-04.

Jam Kredit: 18.

WXES 2103 (KUMP X)

SJEW 1102 (KUMP X)

GXES 1403 (KUMP X)

LXED 1303 (KUMP X)



**Sumber:** [http://umisisweb.um.edu.my/infosemasa/sms/faq\\_sms.htm#01](http://umisisweb.um.edu.my/infosemasa/sms/faq_sms.htm#01)

## **7.0 BUDAYA SMS DALAM ARENA PERKHIDMATAN**

### ***7.1 Polis Kuala Lumpur perkenalkan perkhidmatanSMS (POLISKL 39988)***

Sistem pesanan ringkas atau SMS yang diperkenalkan oleh Polis Kuala Lumpur telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan, khususnya dari warga kota.

Terkini, dengan kerjasama Radip Malaysia Kuala Lumpur (RMKL) dan Interactive Vista Sdn. Bhd., Polis Kuala Lumpur telah melancarkan satu lagi perkhidmatan SMS (39988) bagi memudahkan lagi orang ramai berhubung dengan polis.

Perkhidmatan ini memudahkan orang ramai memperolehi nombor telefon dan alamat balai-balai polis, selain memberikan maklumat tentang kejadian jenayah kepada polis.

Sempena musim perayaan ini, orang ramai yang akan bercuti di kampung juga boleh menghantar alamat rumah mereka supaya pihak polis boleh membuat rondaan dan pemeriksaan di premis-premis terbabit.

Semua penerimaan mesej melalui sistem ini akan direkod dan disalurkan kepada balai-balai polis berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Sistem ini berfungsi seperti berikut:-

- Nombor talian utama Perkhidmatan SMS PolisKL ialah 39988. SMS melalui 019-3550006 hanya untuk daerah-daerah Kuala Lumpur sahaja, iaitu Brickfields, Sentul, Dang Wangi, Cheras dan Putrajaya.
- Untuk mendapatkan alamat balai-balai polis, taip POLISKL ALAMAT dan hantar kepada 3988. Jawapan akan diberi dalam tempoh seminit
- Untuk pendaftaran alamat rumah di musim perayaan, taip POLISKL BK (nama, alamat, tarikh meninggalkan dan kembali ke rumah) dan hantar kepada 39988. Jawapan berserta nombor rujukan akan diberi dalam tempoh seminit
- Untuk aduan, taip POLISKL (aduan) dan hantar kepada 39988. Jawapan akan diberi dalam tempoh seminit.

Setiap SMS yang dihantar akan dikenakan bayaran sebanyak 50 sen. Perkhidmatan ini hanya disediakan oleh Polis Kuala Lumpur sahaja.

**Sumber:** [http://www.rmp.gov.my/rmp03/031119polkl\\_39988.htm](http://www.rmp.gov.my/rmp03/031119polkl_39988.htm)

## ***7.2 Tempahan AirAsia melalui SMS***

Tempahan SMS AirAsia, pertama kali di Malaysia.

Kami bangga menjadi penerbangan pertama di dunia yang menawarkan perkhidmatan tempahan penerbangan dan pembayaran melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS). Kini tetamu AirAsia boleh membuat tempahan penerbangan bila-bila masa dan di mana jua mereka berada 24 jam sehari, 7 hari seminggu.

Selain daripada membuat tempahan, tetamu AirAsia juga boleh bertanyakan mengenai harga terendah, maklumat perlepasan dan ketibaan serta kod bandar-bandar. Semua ini tersedia dengan harga biasa RM 0.15 untuk setiap SMS tanpa sebarang caj tambahan.

Tetamu AirAsia juga boleh mendaftar untuk mendapatkan maklumat harga-harga promosi sebaik saja ianya diumumkan.

"Terbang bersama kami bukan sahaja menyeronokkan dan harganya berpatutan tetapi juga mudah. Dengan sistem tempahan SMS AirAsia, kini lebih mudah untuk anda mendapatkan tambang rendah kami!" - Tony Fernandes

Contoh 1: Langkah-langkah untuk menempah ticket AirAsia melalui SMS. Ikuti saja 8 langkah yang mudah untuk membuat tempahan melalui SMS. (2 contoh untuk langkah)


### Langkah 1 :

Tekan "AA" atau "AIRASIA" dan hantar ke 39399. **Jawapan:**




Contoh 2: Cara membayar. AirAsia kini terima semua MasterCard and kad-kad Visa untuk tempahan SMS. Tekan butang 'LOW <jarak> Bandar asal <jarak> Bandar destinasi <jarak> tarikh perjalanan' dan hantar ke 39399. Contoh: "LOW KUL BKI 230803" dan hantar ke 39399.

### Jawapan:



Contoh 3: Maklumat mengenai ketibaan dan perlepasan Masukkan nombor penerbangan dan tarikh perlepasan hantarkan ke 39399 Contoh: AK700 230803 dan hantar ke 39399 .

### Jawapan:



Sumber: <http://www.airasia.com/bahasa.php?f=sms&p=sms.booking>

## 8.0 ISU-ISU SEMASA

### 8.1 Isu tentang Telekom

Pelanggan telefon talian tetap Telekom Malaysia Berhad (Telekom) kini boleh turut menyertai kerancangan dunia SMS tersebut berikutan pengenalan perkhidmatan tersebut, baru-baru ini.

"Buat permulaan, kami menawarkan perkhidmatan tersebut kepada para pelanggan di Lembah Klang terlebih dahulu sebelum diperkembangkan ke seluruh negara," kata Ketua Pegawai Operasi, TM Telco, Telekom, Dr. Idris Ibrahim.

Telekom telah memperkenalkan perkhidmatan pesanan ringkas talian telefon, talian tetap tersebut yang dikenali sebagai FixedLineSMS yang menyepadukan teknologi SMS kepada telefon talian tetap.

Inovasi ini telah membuktikan kemampuan Telekom dalam mempertingkatkan penggunaan telefon talian tetap yang bukan sahaja boleh membuat dan menerima panggilan suara, tetapi juga boleh menghantar / menerima SMS, faks dan juga e-mel. "Kita tidak mahu ketinggalan kepada teknologi telekomunikasi bergerak yang menawarkan pelbagai ciri-ciri nilai tambah kepada pengguna," kata Idris dalam temu bual bersama Utusan Malaysia, baru-baru ini.

Katanya, para pelanggan yang inginkan, perkhidmatan ini memerlukan talian telefon tetap (jika belum ada), melanggan perkhidmatan FixedLineSMS, melanggan perkhidmatan TMClip dan membeli satu set telefon FixedLineSMS berharga kira-kira RM100.

Pelanggan perlu membeli set telefon tersebut dan tidak akan dibekalkan secara percuma seperti melanggan telefon talian tetap biasa. Pelanggan juga akan dikenakan bayaran tambahan sebanyak RM3 untuk langganan FixedLineSMS dan RM2 untuk perkhidmatan Clip (perkhidmatan mengesan nombor panggilan pemanggil), selain daripada bayaran bulanan yang biasa.

Caj bagi satu SMS yang dihantar dari talian tetap ke talian tetap dikenakan bayaran 10 sen dan SMS yang dihantar ke telefon selular pula dikenakan bayaran 15 sen.

Bagaimanapun untuk penghantaran SMS kepada talian telefon bimbit, pengguna hanya boleh menghantar / menerima SMS kepada pelanggan perkhidmatan Celcom (019) dan TMTouch (013) sahaja.

"Kami akan memperluaskan kepada semua pelanggan syarikat telekomunikasi telefon bimbit yang lain menjelang akhir tahun ini," kata Idris.

Set telefon FixedLineSMS yang diperkenalkan oleh Telekom tersebut mempunyai satu skrin yang membolehkan pengguna membaca teks yang tertera untuk tujuan menulis atau membaca SMS.

Seperti juga kebanyakan telefon bimbit, telefon FixedLineSMS ini juga mempunyai had iaitu boleh menghantar / menerima satu SMS atau e-mel sehingga 160 karektor sahaja. "Pengguna perlu memadamkan teks dalam peti simpanan mereka jika ia telah penuh untuk membolehkan ia menerima SMS yang baru," katanya.

Ditanya sasaran pengguna untuk perkhidmatan baru ini, Idris berkata, golongan muda yang merupakan pengguna paling ramai SMS telefon bimbit dan suri rumah yang menggunakan telefon tetap merupakan golongan berpotensi.

Syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang menggunakan talian tetap secara terus juga merupakan pelanggan yang berpotensi memandangkan ia boleh digunakan untuk menghantar / menerima faks dan e-mel ringkas.

"Bagaimanapun, memandangkan perkhidmatan ini perlu dilanggan bersama perkhidmatan Clip, pelanggan-pelanggan Clip sedia ada mempunyai potensi yang paling besar," tambahnya.

Setakat ini, Telekom mempunyai 250,000 pelanggan Clip di seluruh negara dengan 120,000 daripadanya merupakan pelanggan di Lembah Klang.

Penduduk Lembah Klang yang berminat untuk melanggan perkhidmatan ini perlu memastikan yang kawasan mereka mempunyai liputan perkhidmatan Clip sebelum boleh melanggannya.

Telekom juga menjangka perkhidmatan baru nilai tambah ini akan berupaya meningkatkan minat para pengguna untuk melanggan talian telefon tetap yang menghadapi saingan daripada telefon bimbit.

Perkhidmatan SMS talian tetap ini telah mendapat sambutan menggalakkan di kalangan pengguna telefon di beberapa negara yang telah memperkenalkan perkhidmatannya seperti Filipina dan Singapura.

"Kami meletakkan sasaran pelanggan sebanyak 50,000 di Lembah Klang menjelang akhir tahun ini dan pelanggan melebihi 100,000 apabila ia diperluaskan ke seluruh negara tahun depan," kata Idris,

Beliau berkata, dalam jangka masa panjang, Telekom akan memperkenalkan beberapa model baru untuk set telefon talian tetap tersebut seperti mempunyai skrin warna.

"Jika pengguna telefon negara ini telah biasa menghantar pesanan bergambar melalui MMS (sistem pesanan multimedia), kita memerlukan skrin yang boleh membaca gambar berwarna," katanya sambil menyatakan set telefon tersebut dibuat di negara China.

Set telefon dan sistem SMS yang digunakan di negara ini menggunakan Protokol 2 yang membolehkan ia menerima faks dan e-mel, berbanding negara lain yang menggunakan Protokol 1 yang hanya menyokong SMS berbentuk teks.

Menurut Idris, Telekom melabur sebanyak RM8.6 juta bagi membolehkan pengenalan perkhidmatan baru ini dan akan meningkatkan pelaburan jika ia mendapat sambutan daripada pengguna di seluruh negara.

Pengenalan perkhidmatan baru oleh Telekom ini sememangnya suatu yang mampu meningkatkan lagi kemeriahan dunia SMS di negara ini memandangkan kini bilangan pengguna telefon yang boleh menghantar / menerima SMS akan bertambah.

Bagaimanapun, Telekom harus memastikan para pelanggan tidak akan menghadapi masalah menggunakan perkhidmatan baru ini dengan menawarkan perkhidmatan sokongan yang terbaik, termasuk turut menyediakan buku panduan penggunaan yang ringkas dan mudah difahami.

**Sumber: Utusan Malaysia (6 Ogos 2003)**

### ***8.2 Isu tentang kos SMS yang ditanggung***

Andainya baru pertama kali menjejakkan kaki di bandar raya Johor Bahru, Johor pastikan anda tidak tersilap membuat tanggapan sebaik telefon bimbit berdering sambil memaparkan pesanan ringkas ‘Selamat Datang Ke Singapura’.

Sesiapa saja yang membawa telefon bimbit pasti mendapat pesanan ringkas sedemikian, terutama ketika berada di laluan sepanjang Pantai Lido ke Stulang Laut, khususnya kawasan menghadap pulau Singapura, jika memasang pilihan rangkaian ‘telephone setting’ secara automatik.

Perkara ini berlaku sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Sesetengah pihak menganggapnya sebagai satu cara lagi Singapura menganjakkan garis sempadan negaranya ke dalam wilayah Malaysia, biar pun hanya secara maya.

Kita tidak pasti apa sebenarnya niat dan tujuan Singapura atau syarikat telekomunikasinya berbuat demikian. Yang jelas ia memaparkan betapa canggihnya sistem teknologi digunakan di negara kepulauan itu sehingga membolehkan gelombang isyarat telefon bimbit dipancarkan melampaui perbatasan negara.

Di pihak kita, 'signal' telefon bimbit tanpa mengira perkhidmatan apa yang digunakan, tidak sekuat itu. Isyarat telefon bimbit kita pasti terpadam sebaik melepasi Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Woodlands di Singapura.

Kita boleh menganggap fenomena ini sebagai satu lagi bentuk penjajahan secara halus dilakukan negara jiran terhadap tetangganya. Kita tidak seharusnya berdiam diri, malah harus bertindak segera membendung gejala ini.

Jika diteliti dan diamati, ia sebenarnya membawa banyak kesan buruk terhadap negara ini dan rakyatnya. Ia bukan sekadar meluaskan kawasan samar (grey area) di sempadan kedua-dua negara, malah merugikan kita secara keseluruhan.

Isyarat telefon bimbit yang kuat itu membolehkan rakyat Singapura yang berkunjung ke Johor Bahru, menggunakannya dengan jelas tanpa perlu membuat 'roaming' dan ini pastinya merugikan syarikat telekomunikasi kita.

Kedua, ia mungkin menimbulkan tanggapan salah di kalangan pelancong apabila beranggapan mereka sudah memasuki wilayah Singapura, sedangkan hakikatnya, masih berada di Johor Bahru. Lantas, pelancong asing mungkin menganggap senario indah di pesisiran Selat Tebrau adalah sebahagian pemandangan menarik dalam wilayah Singapura!



Ketiga, ia menyusahkan pengguna telefon bimbit tempatan kerana telefon mereka akan 'roaming' secara automatik dan sekali gus terpaksa menanggung kos sistem pesanan ringkas (SMS) yang dihantar oleh syarikat telekomunikasi Singapura.

Ketika semua orang sibuk membahaskan mengenai 'regime change' dan penjajahan semula kuasa Barat ke atas negara membangun termasuk Malaysia, perbuatan Singapura menerusi kaedah maya ini juga mungkin boleh dianggap satu bentuk penjajahan.

Selama ini, kita dilihat terlalu berlembut dan lebih gemar bersikap tidak apa sedang di pihak Singapura, mereka tidak langsung memberi ruang dan peluang kepada sesiapa termasuk rakyat kita untuk 'menyentuh' mereka.

Contohnya, kita tidak menempatkan bot pengawal pantai di sempadan perairan negara ini dengan Singapura, sedangkan di republik itu, bot polis pengawal pantainya 'stand by' 24 jam di segenap penjuru sempadan perairannya dengan Malaysia.

Rutin kawalan perairan negara kita juga agak longgar sehinggakan tiada sebuah pun bot pasukan keselamatan kelihatan meronda di perairan Pulau Seri Buat, dekat sempadan Mersing-Rompin, sepanjang tempoh seorang rakan penulis terapung selama 22 jam di situ selepas botnya karam, baru-baru ini.

Dalam tempoh dua tiga tahun kebelakangan ini, kita melalui beberapa pengalaman kurang menyenangkan yang menyaksikan ketegangan dalam hubungan dua hala Malaysia-Singapura.

Di antaranya, kerja penambakan laut di republik itu yang meninggalkan kesan buruk kepada negara ini, pengusiran bot Polis Marin kita dari perairan Pulau Batu Putih oleh pasukan keselamatan Singapura, penghantaran pulang pesakit Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan penolakan eksport sayur dari negara ini ke republik berkenaan.

Malah, banyak lagi tindakan Singapura terhadap negara ini dan rakyatnya yang dilakukan dari semasa ke semasa.

Namun, kita masih berlembut dan bersikap acuh tidak acuh terhadap kesan buruk yang dialami akibat tindakan Singapura yang jelas sekali membelakangkan semangat setia kawan dua negara berjiran.

Kini, Singapura cuba menguji kita sekali lagi dengan menceroboh ruang udara negara ini menerusi cara lebih halus iaitu memancarkan gelombang telefon mudah alih sehingga melampaui batas sempadan negara.

Pada peringkat ini, tindakan Singapura itu mungkin nampak biasa saja, namun kesan dan risiko yang bakal kita dihadapi pada masa akan datang, mungkin serius – tidak ada sesiapa tahu. Kita perlu menanganinya segera supaya ia tidak sampai ke peringkat mengancam keselamatan negara.

Kepada pemilik telefon bimbit pula, pastikan anda menukar pilihan rangkaian ‘telephone setting’ kepada manual jika berhajat bersiar-siar di gigi Selat Tebrau. Ini bagi mengelakkan daripada diganggu SMS syarikat pembekal perkhidmatan telekomunikasi Singapura yang pastinya membebankan anda untuk membayar kos ‘roaming’.

**Sumber:** [http://www.najhnasseri.org/text/roaming spore.htm](http://www.najhnasseri.org/text/roaming%20spore.htm)

### ***8.3 Kes Jordan: Yang Mana Fakta Sebenarnya?***

Beberapa perkara menjadi persoalan dalam laporan kes pelajar Jordan dipukul. Begitu juga beberapa kenyataan telah dibuat oleh pihak yang dipukul, Amir Shahrizat, pihak Kelab UMNO Jordan dan pihak yang membela, Persatuan Mahasiswa Terengganu dan Majlis Perwakilan Pelajar Malaysia Jordan.

## **1. Persoalan Tempat**

Persatuan Mahasiswa Terengganu Jordan mempertikaikan laporan Bernama yang memetik nama tempat Universiti Mu'taah di Mu'taah dan bukannya di Amman sebagaimana yang dilaporkan.

Perkara ini dianggap biasa dalam laporan agensi berita membabitkan luar negara di mana jika CNN melaporkan kejadian kes di UKM, tempat itu akan dinamakan Selangor atau Kuala Lumpur atau Malaysia sahaja kerana nama Bangi itu terlalu spesifik bagi negara-negara luar seperti Amerika Syarikat.

## **2. Persoalan Serangan**

Persatuan Mahasiswa Terengganu Jordan juga melaporkan tidak ada serangan dibuat ke atas Amir dengan menyatakan:

"Cuma perbincangan yang sedikit hangat dengan pertengkaran percakapan. Sedikit kekecohan berlaku, hanyalah apabila percubaan kumpulan pelajar tersebut menghalang Amir daripada meninggalkan mereka sebelum memberikan penjelasan lengkap terhadap dakwaan sistem pesanan ringkas (SMS) daripadanya itu. Tiada sebarang pukulan dibuat sebagaimana yang didakwa. Mungkin halangan tersebutlah dianggap pukulan atau serangan. Kumpulan pelajar tersebut juga memasuki rumah Amir dengan izin dan secara baik, tidak secara serangan seperti ceroboh."

Amir Shahrizat dalam surat pengakuannya pula mengesahkan dirinya telah dipukul.

"Kes memukul saya memang berlaku dan sayalah mangsanya. Begitu mudah mereka mahu melepaskan diri. Hal ini samalah dengan orang mencuri, jika ditangkap dan ditanya, kamu mencurikah? Pencuri akan jawab "Tidak".

"Saya mempunyai bukti dan saksi yang cukup untuk mempertahankan hak saya sebagai mangsa dalam kes tersebut. Saya telah membuat laporan polis di Mazar Al Janubi, Daerah Karak. Gambar luka-luka dan lebam sebagai bahan bukti."

Kemudiannya, dalam satu kenyataan balas melalui perbualan telefon dengan Malaysiakini, Salman Zainal Abidin, Presiden Persatuan Mahasiswa Terengganu Jordan mendakwa Amir "cuma berlakon dipukul." Katanya: "Dia tiba-tiba mengundur dan menjerit: Tolong! Tolong! Aku kena pukul! Kami panik dengan kelakuannya dan ada di antara kami cuba menenangkannya.

Kemudian, Amir cuba melarikan diri bersama kad SIMnya dengan merangkak keluar dari bilik tetapi dapat dihalang oleh pelajar-pelajar lain. Kami mahu menyimpan SIM kadnya sebagai bahan bukti. Jadi ada di antara kami yang menarik dan menolaknya dari pintu bilik supaya dia tidak dapat keluar. Itu sahaja yang berlaku. Tiada siapa yang memukul sesiapa."

**Fakta: Meskipun kedua-dua pihak mempunyai dua versi cerita yang berbeza, tetapi faktanya empat orang pelajar yang disyaki memukul Amir telah ditahan polis Jordan dan dihadapkan ke mahkamah negara itu pada 20 November 2002.**

Mereka didakwa atas empat pertuduhan. Pertama, memukul; kedua, memasuki rumah tanpa izin; ketiga, merampas barangan dan keempat, mengurung mangsa tanpa kerelaan.

### **3. Punca Berlaku**

Persatuan Mahasiswa Terengganu Jordan mendakwa punca utama berlaku kerana SMS Amir yang mencaci pemimpin Pas (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) dihantar kepada Zaharuddin Abd. Rahman, pelajar Sarjana Universiti Yarmouk. Amir dikatakan menghantar tiga SMS yang mencaci pemimpin Pas tersebut. Faktor inilah yang menimbulkan kemarahan pelajar-pelajar (yang menyokong Abdul Hadi? ) tersebut.

Sedikit kekecohan berlaku, hanyalah apabila percubaan kumpulan pelajar tersebut menghalang Amir daripada meninggalkan mereka sebelum memberi penjelasan lengkap terhadap dakwaan SMSnya itu (iaitu setelah bukti diperoleh).

Amir pula mendakwa, isu balas membalas SMS dan menghina pemimpin UMNO telah lama berlaku ekoran fatwa songsang pemimpin Pas sendiri.

"Isu mencarut melalui SMS ini telah menjadi pokok dan punca kepada insiden ini. Walaupun hal demikian tidak saya lakukan, namun mereka terperangkap ekoran daripada fatwa sensasi yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, bahawa kita dihalalkan mencarut kerana Allah pun mencarut di dalam al-Quran - menghentam dan memaki hamun dengan gelaran yang berbagai-bagai kepada Perdana Menteri Malaysia.

**Fakta: Faktor utama yang menyebabkan berlaku pergaduhan itu adalah isu SMS. Kumpulan pelajar itu mendakwa Amir menghantar SMS menghina pemimpin Pas. Saksinya Zaharuddin Abd. Rahman tetapi Zaharuddin (yang juga Ketua Jamaah (Jordan) tidak ikut serta dalam kes memukul Amir. Dia sekadar memaklumkan kepada pengikut-pengikutnya tentang SMS yang diterimanya itu.**

Satu perkara yang nyata, tidak mungkin, SMS memaki pemimpin hanya datang dari pihak Amir sahaja. Bagaimana pula dengan pihak yang turut menghantar SMS yang menghina pemimpin UMNO kepada pihak Amir?

Kalau dibandingkan antara Amir (Timbalan Ketua Kelab UMNO Jordan) dan Zaharuddin Abd. Rahman, Ketua Jamaah Jordan (Pas) atau Ikatan Mahasiswa Islam Jordan (IMIJ), sudah tentu Zaharuddin lebih hebat bermain politik. Ini kerana Zaharuddin merupakan pelajar Sarjana, Ketua Jamaah Pas Jordan, yang menjawat jawatan sebagai Ketua Penerangan Pemuda Pas Selangor.

Beliau pernah menjadi pegawai khas kepada Ahli Parlimen Pas, Dr. Hassan Ali. Dalam web FAC, beliau digelar sebagai `tokoh reformasi`.

SMS yang cuba dibuktikan itu jelas membuktikan bahawa pergaduhan itu memang ada kaitan dengan Abdul Hadi. Ini bermakna, kenyataan Presiden Persatuan Mahasiswa Terengganu membenarkan dakwaan bahawa lawatan dan ceramah Abdul Hadi pada 10 November telah menimbulkan provokasi dan spekulasi di kalangan pelajar Malaysia yang menuntut di sana.

#### **4. Bukan Penyokong Pas**

Persatuan Mahasiswa Terengganu Jordan mendakwa kumpulan pelajar yang terlibat bukannya penyokong Pas tetapi pelajar-pelajar biasa yang sakit hati dengan SMS yang menghina Menteri Besar Terengganu itu. "Pelajar Terengganu yang berjumpa dengan Amir itu pula bukannya penyokong Pas serta bukan ahli Pas dan bukan juga ahli mana-mana pertubuhan politik.

Mereka pergi berjumpa Amir atas dasar anak Terengganu yang rasa sakit hati dan terguris perasaan serta ingin tahu hal sebenar daripada Amir sendiri, kerana telah tersebar di Mu'taah bahawa Amir melalui SMSnya (seperti yang dinyatakan di atas) telah memaki dan menghina Menteri Besar Terengganu."

Amir pula mendakwa yang memukulnya merupakan penyokong-penyokong Pas yang irihati dengan kewujudan Kelab UMNO Jordan (ditubuhkan pada 2001). Dakwanya salah seorangnya adalah anak Exco Kerajaan Negeri Terengganu.

"Seorang yang kurang dikenali menyerang saya, antaranya adalah anak salah seorang Exco Kerajaan Negeri Terengganu. Saya dituduh oleh mereka kerana pada sesi lepas, saya sebagai Pemangku Pengerusi Kelab UMNO Jordan yang agak lantang bersuara dan memang tidak disukai oleh pelajar-pelajar Pas di sini."

**Fakta: Berdasarkan rekod nama-nama kumpulan yang ikut serta ke rumah Amir, tidak semuanya berasal dari Terengganu, bahkan turut terlibat tiga orang siswa Perak, dua Selangor dan seorang masing-masing dari Kelantan dan Kuala Lumpur. Mereka bukan ahli biasa dalam persatuan malah pemegang jawatan-jawatan utama.**

Salah seorangnya adalah anak Exco Kanan Kerajaan Terengganu yang bertanding atas tiket Pas.

Jemputan Hadi Awang, Menteri Besar Terengganu yang juga Pemangku Presiden Pas ke majlis anjuran Persatuan Mahasiswa Terengganu Jordan pada 10 November itu sendiri sudah membayangkan kecenderungan ahli-ahli persatuan yang terlibat.

Satu persoalan lain, perasaan 'terguris' kerana SMS yang mencerca Abdul Hadi hingga mendorong kumpulan pelajar itu pergi meminta penjelasan di rumah Amir

membayangkan sensitiviti dan kemarahan daripada 'kumpulan penyokong' kepada 'pemimpin mereka' atau 'parti mereka'. Sekiranya tidak ada anutan ideologi kepartian sudah tentu tidak merangsang mereka untuk berbuat demikian.

Ini belum dikira lagi dengan saksi utama kes ini Zaharuddin yang merupakan Ketua Penerangan Pemuda Pas Selangor.

Kesimpulannya, kes ini bukan lagi peringkat tuduh-menuduh atau cakap dengar sahaja. Ia telah direkodkan oleh polis dan pihak hospital Jordan dan pendakwaan di mahkamah di negara itu telah dilakukan. Keputusan mahkamah itu kelak akan membuktikan segala kebenarannya.

**Sumber: Artikel (Yaakub Hussin)**

#### ***8.4 SMS memberi kebaikan kepada orang pekak***

Di negara kita, warga pekak telah didiskriminasikan dari menikmati telekomunikasi sejak sekian lama. Mereka tidak dapat menggunakan telefon atas sebab mereka tidak dapat mendengar. Dari itu mereka tidak dapat menelefon kawan atau saudara mara untuk bertanya khabar, apabila mereka tinggal berjauhan dari keluarga mereka juga tidak dapat menghubungi ahli keluarga mereka dan menyebabkan mereka bimbang akan keselamatan terhadap orang yang dikasihi. Orang pekak juga tidak dapat menelefon pusat kecemasan. Contohnya: hospital, balai bomba atau balai polis untuk mendapat bantuan pada saat-saat yang amat memerlukan.

Jika mereka terkandas dalam perjalanan ke tempat kerja contohnya kapal terbang, keretapi, LRT atau bas, mereka juga tidak dapat menggunakan telefon awam untuk



menghubungi pihak majikan. Akibatnya mereka akan dikenakan tindakan di atas kesalahan yang bukan mereka lakukan. Adalah sangat jelas yang terlalu banyak sekatan bagi orang pekak untuk menggunakan telekomunikasi di negara kita.

Mereka juga ditolak hak asasi mereka apabila mendapat perkhidmatan telefon di rumah. Syarikat telekom memberi orang pekak set telefon tanpa mempedulikan yang mereka tidak dapat menggunakannya. Mereka membayar harga yang sama dengan orang lain seperti dalam syarat syarikat telekom tersebut, tetapi mereka terpaksa mengeluarkan wang lebih untuk membeli mesin faks atau PC supaya mereka boleh berhubung dengan orang lain.

Pada awal tahun 90-an, adalah dicadangkan penggunaan TTY atau Telefon Teks, promosi penggunaannya dibuat oleh En. Tan Yap juga sebagai pengedarnya, KLSD telah membeli sebuah alat tersebut dari beliau. Tetapi malangnya projek tersebut tidak berjaya.

Pada tahun 1995, seorang bekas anak murid memperkenalkan penggunaan GSM melalui telefon bimbit, perkara tersebut adalah masih baru bagi orang pekak dan tiada minat yang mendalam di kalangan orang pekak di Malaysia. Lagipun, harga telefon bimbit serta yuran penggunaannya adalah sangat tinggi serta tidak mampu ditanggung oleh orang pekak yang bergaji rendah pada masa itu.

Pada tahun 1996, Presiden World Federation of the Deaf, Ms. Liisa Kauppinen dari Finland yang datang ke Malaysia memperkenalkan Nokia Communicator 9100. Persekutuan Orang Pekak Finland mempunyai hubungan rapat dengan Nokia di sana.

Pada tahun 2000, Program penggunaan SMS di kalangan orang pekak dengan kerjasama Nokia dengan MFD bermula apabila pihak Nokia menghubungi Sekolah Kanak-kanak Pekak Selangor. Puan Saadiah Ahmad selaku Pengetua Sekolah tersebut telah mencadangkan MFD untuk melaksanakan program tersebut. Pihak MFD amat berterima kasih kepada beliau dan orang pekak telah berpeluang untuk bekerjasama dengan sebuah korporat yang ternama di dunia ini.

Program tersebut telah dimulakan dengan The Hub dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Amar Leo Moggie, Menteri Pos, Telekomunikasi dan Multimedia. The Hub diletakkan di bawah jagaan Telesuara Sdn Bhd kerana mereka mempunyai kepakaran. Pihak MFD juga telah mendapatkan jasa baik daripada pihak MIMOS untuk menempatkan The Hub di Mimos Server Farm, sewa meletakkan server tersebut ialah RM 24,000 setahun.

Pada masa itu, operator telekomunikasi seperti Maxis, Celcom, TMTouch, Digi dan sebagainya tidak bersatu, kita tidak boleh menghantar SMS kepada satu sama lain atau cross operator. Bukan mudah untuk melaksanakan projek The Hub, MFD terpaksa membuat promosi kepada operator tersebut dan memohon kerjasama dengan mendermakan SIM Card kepada The Hub.

Malangnya tiada jawapan positif dan orang pekak terpaksa membeli SIM Card tersebut dari semua operator dan meletakkannya dalam The Hub serta menanggung perbelanjaan bulanan bilnya sendiri. Dari itu, cross operator buat pertama kalinya di Malaysia berjaya dipeloporkan oleh MFD. Ini merupakan sejarah yang perlu dibanggakan oleh orang pekak.

MFD juga membuat *road show* ke seluruh pelosok negara dan mengajar orang pekak cara-cara untuk menggunakan SMS yang mana sebelum itu kita mencuba Pager. Hasilnya jumlah pengguna SMS di kalangan orang pekak juga telah meningkat, MFD amat bersyukur dengan kesedaran orang pekak akan pengguna SMS untuk komunikasi serta membantu dalam peningkatan bahasa mereka walaupun laporan kepada Nokia amat mengecewakan. Tapi MFD berasa bangga kerana ramai orang pekak menggunakan telefon jenama Nokia ke atas kempen kami sebelumnya.

The Hub telah menyiarkan berita ringkas kepada orang pekak dari masa ke semasa. Ramai orang pekak amat menyukainya kerana mereka mendapat berita terkini. Malangnya,

operator telekomunikasi telah bersatu untuk mewujudkan cross operator; ianya merupakan berita baik tetapi berita buruk kerana The Hub belum sampai kemuncak kejayaannya.

The Hub terpaksa digantungkan untuk sementara waktu, pihak MFD dengan Telesuara akan memulakan projek baru tersebut iaitu Pocket SMS. Melalui Pocket SMS akan mengurangkan kos, Pocket SMS boleh dibawa ke mana-mana sahaja dan tak perlu mempunyai banyak SIM Card. Orang-orang pekak akan memulakan secara besar-besaran sedikit masa lagi apabila program yang membolehkan mesej SMS dihantar tanpa had berjaya. Buat masa ini, program tersebut mampu menghantar SMS kepada 5 pengguna sahaja.

MFD berasa bangga kerana komuniti orang pekak mendapat perhatian, lebih-lebih lagi mereka berjaya mencapai salah satu matlamat mereka untuk memastikan orang pekak menikmati teknologi telekomunikasi dan mencelikkan mata semua orang.

Pernah orang awam terperanjat dan hairan kerana melihat orang pekak membawa telefon bimbit, pernah mereka memerli dan menyindir orang pekak; "orang pekak macam mana nak telefon kerana tak boleh mendengar?", "wah.. orang pekak berlagak lah...". Tetapi apabila orang pekak menerangkan kepada mereka, malahan terdapat juga orang awam tak tahu cara penggunaan SMS!

Di antara kebaikan penggunaan SMS ialah orang pekak boleh dapat berita atau khabar di mana-mana sahaja, cepat dan pantas. Yang paling baik lagi, orang pekak mulai pandai menguasai Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris kerana mereka selalu menggunakan SMS. Contohnya, kami pernah berjumpa dengan orang pekak dari negeri Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan. Pada mulanya, mereka selalu bercakap tak tahu tentang Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Tetapi sekarang selepas menggunakan telefon bimbit, mereka selalu menghubungi kawan-kawan mereka walaupun penggunaan bahasa mereka tak seberapa baik, yang pentingnya mereka mahu mencuba.

Revolusi SMS sudah menular ke dalam komuniti kita, di mana-mana di dunia ini menggunakan SMS. Tetapi yang menyukarkan MFD ialah untuk mendisplinkan pemimpin orang pekak yang menggunakan SMS. Mereka kurang tumpuan semasa mesyuarat atau dalam persidangan kerana gangguan daripada menerima SMS.

Melihat orang pekak menggenggam telefon mungkin pelik kerana mereka tidak boleh mendengar dan kebanyakannya juga bisu. Itu dulu. Teknologi sudah mengubah segala-galanya. Mereka memiliki telefon bimbit bukan untuk bercakap tetapi sebagai alat perhubungan menggunakan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS). Dengan adanya perkhidmatan SMS, mereka begitu mudah untuk menghubungi keluarga atau rakan-rakan mereka bagi memaklumkan sesuatu perkara atau di mana mereka berada.

Sejak perkhidmatan SMS diperkenalkan, ruang bagi orang pekak berhubung lebih meluas. Kini kaedah perhubungan SMS begitu meluasnya digunakan sesama orang pekak di Asia, termasuk Malaysia.

Mungkin ada yang tidak percaya bahawa walaupun kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) di Barat banyak disediakan dan lebih maju, kaedah perhubungan menerusi SMS di kalangan orang pekak dipercayai dipelopori dan dipopularkan oleh golongan pekak dari negara Asia, khususnya di Jepun, Hong Kong, Singapura dan Malaysia.

Cara perhubungan SMS merupakan cara komunikasi yang canggih, lebih mudah, pantas, menjimatkan masa dan berguna untuk kami. Jika dibandingkan dahulu, kita menggunakan faksimile dan alat kelui untuk berhubung rakan sekerja, tetapi sejak SMS diperkenalkan, ia memberi satu alternatif kepada kita untuk berkomunikasi dengan mereka. Orang kurang upaya berharap bahawa perkhidmatan SMS diperluaskan terutama untuk kegunaan waktu kecemasan. Berbanding dengan negara Barat, cara-cara komunikasi orang pekak di sana lebih mudah pada waktu kecemasan kerana ada perkhidmatan telefon awam yang menggunakan kaedah komunikasi TTY (Telecommunication device for the deaf).

Bagi meningkatkan kebajikan untuk orang pekak, perkhidmatan talian kecemasan dan bantuan seperti jabatan polis, hospital dan sebagainya, perlulah diperkenalkan.

Contohnya, TEH Leong Eng, 36, dari pertubuhan orang pekak Pusat Majudiri Y, melalui jurubahasa isyarat, Lucy Lim, berkata cara perhubungan SMS digunakan sepenuhnya oleh golongan orang pekak. Berkomunikasi cara itu memudahkan sesama mereka.

Mereka suka cara perhubungan SMS. Ia cara komunikasi yang canggih, lebih mudah, pantas, menjimatkan masa dan berguna untuk kami. Dahulu golongan ini menggunakan faksimile dan alat kelui untuk berhubung rakan sekerja, sejak SMS diperkenalkan, ia memberi satu alternatif berkomunikasi kepada mereka. Beliau yang bekerja sebagai jurukamera bebas berpendapat bahawa sebagai individu yang banyak bekerja di luar, perhubungan menerusi SMS begitu penting sama ada untuk menerima atau membalas mesej.

Sebelum ini, jika ada perubahan masa, tarikh atau lokasi penggambaran, rakan sekerja sering mengalami masalah untuk menghubungi mereka. Walaupun mereka boleh dihubungi dengan alat kelui, mereka masih ada masalah menelefon semula rakan yang memberi pesanan. Mereka terpaksa menggunakan bantuan orang normal untuk berkomunikasi menerusi telefon bagi pihak mereka.

Menurut pengalaman beliau, bahawa beliau pernah kehilangan dompet. Ketika itu, beliau menghadapi masalah untuk memberitahu bank supaya membatalkan serta merta nombor pin kad ATM. Tidak ada orang yang boleh membantunya untuk menelefon bank. Beliau terpaksa bergegas ke bank untuk memaklumkan perkara itu. Keadaan ini agak membuang masa.

Tan Lee Peng, 22, pula berpendapat bahawa penggunaan SMS banyak membantunya berdikari. Jika dibandingkan dadulu, beliau terpaksa bergantung pada orang lain untuk memberitahu 'pergerakannya' kepada keluarga. Dengan adanya SMS, beliau dapat

melakukannya dengan sendiri; Untuk mendapatkan sebuah telefon genggam, Tan berusaha menyimpan wang walaupun selepas tiga bulan bekerja.

Saw Huei Ching, 25, memang gemar meningkatkan pengetahuan, khususnya dalam penggunaan teknologi komunikasi moden. Justeru, apabila perhubungan kaedah SMS diperkenalkan, beliau mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Jika dulu beliau lebih senang menghantar e-mel (elektronik mel) kepada rakan-rakannya untuk bertanya khabar, kini beliau lebih senang menggunakan SMS.

Oleh kerana SMS banyak membantu golongan pekak dalam kehidupan seharian, maka golongan ini berharap bahawa syarikat telekomunikasi di negara ini memberikan lebih banyak keistimewaan yang dapat mengurangkan bebanan kepada golongan itu seperti mengenakan kadar pembayaran yang lebih murah, menjimatkan dan sebagainya.

Menghantar e-mel menerusi komputer agak leceh kerana bukan setiap hari kita ada masa untuk membukanya dan membaca e-mel yang dihantar oleh orang lain. Jadi, cara paling mudah dan menjimatkan masa ialah menghantar SMS walaupun terpaksa belanja lebih untuk membayar bil telefon.

Di samping itu, terdapat juga risiko dalam menggunakan SMS. Selain mesej lucu, remaja golongan pekak mesti sentiasa berhati-hati menggunakan SMS. Ibu bapa harus memberikan panduan. Memiliki telefon genggam bukan untuk tujuan berlagak. Mereka mesti bijak memanfaatkannya supaya tidak membazirkan wang membayar bil bulanan yang tinggi. Mereka juga harus berhati-hati apabila menerima mesej dari orang yang tidak dikenali kerana bimbang ada orang yang mahu mengambil kesempatan untuk memperdayakan kita

Terdapat beberapa cadangan untuk kemudahan Orang Pekak. Oleh kerana SMS banyak membantu golongan pekak dalam kehidupan seharian, saya berharap syarikat telekomunikasi di negara ini memberikan lebih banyak keistimewaan yang dapat

mengurangkan bebanan kepada golongan itu seperti mengenakan kadar pembayaran yang lebih murah, menjimatkan dan sebagainya.

Universiti Utara Malaysia juga menggunakan perkhidmatan SMS untuk membolehkan para pelajar UUM mendapatkan maklumat yang diperlukan menggunakan teknologi SMS. Sesiapa pun boleh menggunakan perkhidmatan sekiranya dia mempunyai id pelajar tertentu yang sah. Buat masa ini, perkhidmatan ini hanya menyediakan maklumat keputusan peperiksaan pelajar. Perkhidmatan akan ditambah dari masa ke masa.

Buat masa ini, perkhidmatan ini adalah hanya untuk pengguna Celcom, Maxis, Digi dan TM Touch sahaja. Perkhidmatan ini boleh digunakan oleh pengguna prabayar untuk talian Maxis, Celcom, Digi dan Tm Touch.

Pada masa kini, pencapaian keputusan peperiksaan pelajar boleh dibuat dengan caj sebanyak 75 sen untuk setiap panggilan kepada Maxis dan Celcom, manakala TM Touch mengenakan caj sebanyak 50 sen untuk setiap panggilan.

Hampir keseluruhan sembilan juta rakyat Malaysia yang menggunakan telefon bimbit membayar lebih RM3 juta setiap hari untuk menggunakan perkhidmatan penghantaran mesej pesanan ringkas (SMS).

Jumlah tersebut berdasarkan penghantaran 30 juta SMS setiap hari dengan bayaran purata 10 sen setiap mesej. 60 peratus daripada pengguna perkhidmatan SMS merupakan mereka yang berusia di antara 16 hingga 25 tahun manakala selebihnya dalam sektor korporat. Waktu puncak penggunaan SMS adalah di antara 11 pagi sehingga 2 petang dan selepas waktu pejabat iaitu 4.30 petang hingga 6.00 petang.

Walau bagaimanapun, penggunaan SMS juga mempunyai peraturan-peraturannya. Pengguna mestilah berusia lebih daripada 18 tahun. Para pengguna di bawah 18 tahun mesti mendapat kebenaran daripada ibu bapa. Perkhidmatan Buletin SMS ini dimiliki dan diuruskan oleh MFD. Telefon bimbit akan digunakan bagi perkhidmatan SMS (Perkhidmatan Mesej

Ringkas). Para pengguna yang menggunakan perkhidmatan ini akan didaftarkan di bawah persatuan masing-masing dan akan menggunakan satu "*master account*." Setiap pengguna telefon akan menerima akaun sendiri di bawah "*master account*". Ini bertujuan untuk memudahkan pembayaran yuran keahlian persatuan masing-masing, yang akan dikreditkan secara automatik ke "*master account*." Para pengguna telefon hendaklah menggunakan alamat tetap dan mendaftar di bawah nama mereka sendiri. Pendaftaran menggunakan nama-nama lain tidak dibenarkan. Jika seorang pengguna pekaik ingin membatalkan perkhidmatan telefon, beliau perlu mengemukakan:

- (i) Borang penamatan piawai yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan.
- (ii) Surat yang ditandatangani oleh beliau.
- (iii) Persetujuan oleh Presiden atau Setiausaha Persatuan Negeri.
- (iv) Salinan fotostat Kad Pengenalan beliau.

Perkhidmatan SMS ini tidak boleh digunakan untuk menghantar pesanan teks SMS yang melanggar atau mencabuli hak mana-mana pihak, termasuk:

- (i) Hak peribadi yang berkuatkuasa.
- (ii) Melanggar mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa.
- (iii) Menyertakan bahan yang haram, membahayakan, lucah, menganiaya, berunsur kebencian, di luar batasan, mengancam, berunsur perkauman, berunsur diskriminasi atau fitnah atau yang menggalakkan kegiatan haram;
- (iv) Menggalakkan penyebaran bahan-bahan berunsur seks yang lucah, keganasan atau kegiatan yang menyalahi undang-undang;
- (v) Menggalakkan diskriminasi kaum, jantina, agama, kewarganegaraan, kecacatan, kecenderungan seks, atau usia.



Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) tidak akan menerima sebarang tanggungan yang timbul akibat kandungan pesanan yang dihantar. Sekiranya pesanan melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan, pencipta pesanan akan mengecualikan POPM daripada sebarang tuntutan oleh pihak ketiga.

MFD berhak untuk mengecualikan ahli-ahli individu daripada menggunakan perkhidmatan ini jika mereka didapati telah melanggar mana-mana syarat dan peraturan daripada Dasar Penggunaan. Dasar Penggunaan ini boleh dikemaskinikan oleh MFD dari masa ke semasa tanpa memberikan sebarang notis kepada pengguna. Para pengguna boleh membaca versi terbaru Dasar Penggunaan pada bila-bila masa di laman web <http://www.epekak.net.my>.

## **9.0 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, kami telah menyatakan budaya Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dalam beberapa institusi iaitu institusi politik, ekonomi, keluarga, agama, pendidikan dan perkhidmatan. Di samping itu, kami juga menyatakan isu-isu semasa yang berkaitan dengan budaya SMS.

Sistem Pesanan Ringkas (SMS) diguna berleluasa di negara kita, mahupun di luar negara. Terdapat beberapa kebaikan yang diakibatkan oleh kemunculan SMS. Selain itu, juga terdapat kes-kes yang kurang bersopan atau tidak menyenangkan akibat kemunculan SMS.

Suatu masalah yang hendak dititikberatkan ialah penghantaran gambar lucah atau perkataan lucah melalui SMS. Kejadian ini semakin tidak dapat dikawal kerana kita tidak dapat mengesan pihak yang menyebarkan.

Dengan adanya Sistem Pesanan Ringkas, rakyat dapat menjalin hubungan yang lebih erat dengan ahli keluarga, kawan-kawan dan rakan sekerja, malahan bos. Ini merupakan suatu cara komunikasi yang amat baik.

Terdapat perkhidmatan melalui SMS seperti pembayaran bil-bil, penempahan ticket dan sebagainya. Ini telah menyenangkan pihak yang sibuk bekerja pada waktu pejabat. Pada keseluruhannya, Sistem ini banyak memberi faedah daripada keburukan kepada rakyat.